



MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA**

*Senate*

#### **PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth* ~~Parliament~~ <sup>KELAPAN</sup>

#### **PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**Jilid III Bil. 8**

**Hari Khamis**

**10hb Jun 1993**

#### **KANDUNGAN**

<b>JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	<b>(Ruangan 1)</b>
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	<b>(Ruangan 43)</b>
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)	<b>(Ruangan 44)</b>
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan)	<b>(Ruangan 51)</b>
Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan	<b>(Ruangan 55)</b>
Rang Undang-undang Pusat Jagaan	<b>(Ruangan 68)</b>
Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan)	<b>(Ruangan 34)</b>
Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan)	<b>(Ruangan 116)</b>
Rang Undang-undang Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan)	<b>(Ruangan 120)</b>



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 10hb Jun, 1993**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**JAWAPAN-JAWAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher.

**Tuan Ghazali bin Haji Embong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan pertama.

**PETANI DAN NELAYAN DI SABAH - RANCANGAN BANTUAN**

1. **Tuan Ghazali bin Haji Embong [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan Kementerian tersebut untuk memberi bantuan kepada para petani dan nelayan di Sabah untuk memberi bantuan baja, enjin pembajak, motor bot dan pukat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak lagi menyediakan bantuan enjin pembajak, motorbot dan pukat kepada para petani, penternak dan nelayan di seluruh negara termasuk di Sabah.

Dasar Kerajaan adalah menggalakkan masyarakat berdikari melalui pengurangan bentuk bantuan di samping menggalakkan pemberian kredit daripada institusi kewangan terutamanya dari Bank Pertanian Malaysia.

Bantuan Kerajaan hanya ditumpukan kepada khidmat nasihat, bimbingan dan latihan, rawatan penyakit dan kawalan pencegahan serta pelbagai hasil penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh petani, penternak dan nelayan.

**PINJAMAN MARA - KUTIPAN BALIK TUNGGAKAN HUTANG**

**2. Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa ramai orang yang berhutang pada MARA;
- (b) banyak wang yang telah dipinjamkan;
- (c) dan jenis-jenis pinjaman yang diberikan:
  - (i) Biasiswa;
  - (ii) Perniagaan;
  - (iii) Perseorangan; dan
  - (iv) lain-lain.

**11. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah sebenar hutang peminjam kepada MARA yang belum dijelaskan sehingga tahun 1992 mengikut pecahan berikut:

- (a) pinjaman perniagaan;
- (b) pinjaman pelajaran; dan
- (c) lain-lain pinjaman.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan, iaitu soalan Nombor 2 dan Nombor 11 pada hari ini yang ada kaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-pertua,

- (a) jumlah orang-orang yang berhutang dengan MARA sehingga 1992 bolehlah dibahagikan kepada dua kategori:

Jumlah Berhutang:

- |                            |               |
|----------------------------|---------------|
| (i) Pinjaman Pelajaran     | 57,199 orang  |
| (ii) Pinjaman Perniagaan - | 103,539 orang |

- (b) Jumlah wang yang dipinjamkan pula adalah seperti berikut:—

Pinjaman Pelajaran - RM1,356,023,000

Pinjaman Perniagaan - RM674,734,532

- (c) Pihak MARA menumpukan kepada jenis-jenis pinjaman pelajaran dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan No. 11:

- (a) Hutang peminjara MARA setakat 1992:

Pinjaman Pelajaran - RM 685,203,852

Pinjaman Perniagaan - RM 259,904,233

Jumlah: RM945,108,085

- (b) MARA adalah sentiasa berusaha mendapatkan semula hutang daripada peminjam-peminjam dengan melaksanakan peraturan-peraturan penguatkuasaan undang-undang yang telah ditetapkan. Penubuhan Bahagian Kutipan Hutang yang ditugaskan khusus untuk menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kutipan membuktikan kesungguhan MARA dalam hal ini. Bagi peminjam-peminjam yang gagal dan enggan membayar balik pinjaman-pinjaman mereka, MARA akan mengambil tindakan-tindakan tertentu seperti tindakan mahkamah, melelong tanah-tanah cagaran dan merampas kenderaan-kenderaan atau mesin-mesin peralatan yang disandarkan sebagai cagaran kepada pinjaman tersebut. Selain daripada peminjam-peminjam itu sendiri, penjamin-penjamin juga akan turut didakwa ke mahkamah hingga ke peringkat kebangkrapan jika

pinjaman-pinjaman mereka tidak dijelaskan sebagaimana sepatutnya.

Selain daripada mengeluarkan kenyataan-kenyataan di akhbar menyeru dan menyarankan peminjam-peminjam membayar hutang, MARA ada juga bercadang untuk mengiklankan nama nama peminjam walaupun tidak dilaksanakan - yang tidak dapat dikesan dengan harapan mereka akan melaporkan diri kepada pihak MARA. Buat masa ini, MARA mempunyai kaki tangan yang cukup untuk melaksanakan tugas ini dan bilangannya akan ditambah dari masa ke semasa jika dan apabila keadaan memerlukan.

Di samping itu, MARA juga mendapatkan khidmat syarikat syarikat guaman luar yang menjadi Peguam Panel MARA untuk membantu melaksanakan tindakan undang-undang ke atas peminjam-peminjam MARA.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Partua, soalan tambahan, Baru-baru kita mendengar pihak MARA dikatakan sedang mempergiatkan atau mempertingkatkan usaha untuk mengutip balik tunggakan pinjaman MARA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, bagaimanakah perkembangan kutipan yang sedang dibuat oleh pihak MARA sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Keduanya, saya yakin sabahagian daripada peminjam-peminjam MARA ini tentunya telah menjadi golongan yang berjaya di dalam bidang perniagaan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memegang jawatan-jawatan tinggi. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan kepada kita, apakah agaknya sebab-sebab mengapa mereka ini enggan membayar balik pinjaman MARA?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Per tua, kegiatan untuk meningkatkan usaha mendapatkan bayaran balik itu memanglah menggalakkan terutamanya apabila dikeluarkan banyak kenyataan yang memberi ingatan kepada tanggungjawab peminjam-peminjam terhadap orang lain yang juga memerlukan bantuan-bantuan. Jadi, setakat ini belum dibuat analisa dari segi sejauh mana perbezaan hasil usaha ini kerana masih sangat awal lagi kerana soal ke tahap yang lebih serius itu sudahpun dilaksanakan mengikut prosedur dan amalan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan.

Bagi soalan kedua Yang Berhormat, yang mengatakan bahawa sudah pastinya sebahagian yang meminjam ini adalah mereka yang telah berjaya. Soal bagi peminjam yang berjaya ini tidak menjadi masalah. Saya kira yang tidak membayar balik ini adalah bagi yang tidak berjaya. Jadi, masalah-masalahnya itu begitu banyak kerana akibat daripada ketidakjayaan itu dan juga akibat daripada kehilangan sumber-sumber untuk membayar balik - itulah juga yang menyebabkan mereka ini tidak mempunyai punca untuk membayar balik dan juga oleh kerana mereka mengalami kesusahan untuk mendapat peluang perniagaan di tempat lain atau menggunakan apa juga sumber yang ada pada dirinya seperti harta dan sebagainya kerana kebanyakannya harta ini akan diambil tindakan undang-undang,

Jadi, ini adalah di antara beberapa sebab yang biasa. Ada separuhnya kerana tanggungjawab sendiri yang tidak ada kepada para peminjam - walaupun ini kita lihat ialah berkurangan akibat daripada banyak perjumpaan-perjumpaan dan peningkatan usaha pihak Bahagian Undang-Undang di MARA yang berusaha mencari mereka yang dapat dikesan. Bagi mereka yang tidak dapat dikesan itulah yang telah menjadi masalah kepada pihak MARA.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita meminjam di mana-mana sekalipun, kita mesti ada borang yang mengandungi alamat, No. Kad Pengenalan dan sebagainya. Tetapi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan tidak dapat dikesan. Saya pun hairan, main beri begitu sahajakah hingga tidak dapat dikesan. Apa masalahnya maka ianya tidak dapat dikesan?

Soalan tambahan saya yang kedua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cuba panjangkan jadi satu soalan sahaja.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Golongan yang manakah yang banyak sekali meminjam? Adakah golongan sederhana ataupun yang miskin ataupun golongan yang telah sedia kaya dan diberi pinjaman?

**Dato' Dr, Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama berkenaan dengan soal perpindahan, ini biasa berlaku apabila mereka meletakkan alamat. Semasa menyiasat untuk memberi pertimbangan kepada pinjaman itu memanglah menjadi prosedur biasa bank pun buat macam itu. Tetapi kalaulah peminjam ini beralih alamat - macam orang sewa rumah pun biasa pada peringkat awal membayar sewa rumah dia ada, tiba-tiba bila dia tidak hendak bayar rumah itu dia tiba-tiba hilang, jadi susah juga hendak cari mereka. Ini melibatkan si-peminjam di mana kes-kes ini berlaku, Sebab itulah ada tindakan yang biasa dilaku dan diamalkan oleh



institusi kewangan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman daripada penjamin-penjaminnya. Jadi ada lock safe measure seperti yang dilakukan. Walaupun tidak dapat mereka tetapi dapat penjamin. Kecuali penjamin pun tukar alamatlah. Tetapi ini jarang sekali berlaku.

Berkenaan dengan jumlah atau jenis peminjam, secara purata peminjamnya adalah kebanyakannya diperingkat sederhana di bahagian bahagian binaan, kontrak, peruncit-peruncit dan sebagainya. Bagi peringkat yang atas daripada peringkat sederhana iaitu di antara RM 100.000 ke atas atau RM 500.000 tidak begitu banyak. Tetapi juga menghadapi masalah untuk membuat pembayaran.

#### **PENYELUDUPAN PELACUR - SINDIKET**

3. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan telah membuat penyiasatan tentang penyeludupan pelacuran dan lain-lain sindikat berpunca daripada kelemahan pemeriksaan sempadan atau "Orang Dalam" yang mengatur strategi jangka panjang dalam mengguling Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menolak kemungkinan bahawa terdapat sindiket di Malaysia dan di negara asing yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan pelacur-pelacur ke negara ini. Walau bagaimanapun, kegiatan sedemikian adalah terkawal. Pihak Berkuasa telah mengambil berbagai tindakan untuk mencegah dan mengawal kemasukan mereka dengan melancarkan beberapa operasi khususnya di kawasan sempadan yang menjadi pintu masuk utama ke negara ini.

Selain daripada itu, tindakan pencegahan dan tangkapan turut dijalankan di seluruh negara untuk mengesan dan menangkap pelacur-pelacur yang barjaya memasuki negara ini dan juga ahli-ahli sindiket yang terlibat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya dapat penjelasan mengapakah pelacur-pelacur ini suka masuk ka Malaysia? **[Ketawa]**

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas sakali salah satu faktor ialah ada permintaan di pasaran. **[Ketawa]** Itu adalah menjadi tanggungjawab terutamanya kaum lelaki. Saya rasa dari segi penguatkuasaan sahaja tidak cukup, tetapi satu sosial education dan satu pendidikan moral patut diadakan bukan sahaja kepada murid-murid sekolah tetapi juga kepada orang-orang dewasa. Ini adalah satu gejala yang kurang sihat sehingga pelacur-pelacur negara asing ingat di sini mereka boleh cari nafkah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pasaran.

**Tuan Ong Ka Ting:** pasaran dan juga dia punya fortune. **[Ketawa]**

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang seseorang yang melakukan perzinaan di hotel-hotel, misalnya, seperti seorang suami yang telahpun mempunyai isteri; kita akan memanggil isterinya sekali untuk mendapatkan suaminya di hotel di mana berlakunya perkara-perkara yang disebutkan tadi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kerajaan ialah kita menguatkuasakan undang-undang mengikut lunas undang-undang. Sebarang kerja lebih daripada itu saya rasa kena tanggungjawab orang ramailah, mungkin kawan, saudara-mara yang mengetahui sesuatu sedang berlaku di hotel maka menjadi tanggungjawab kawan kawan itu untuk memberitahu dia punya ahli keluarga.

#### **BANTUAN KEPADA KELUARGA MISKIN**

4. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan dalam suasana Kerajaan mengadakan kempen kutipan tabung bantuan untuk penduduk di luar negara, adakah beliau sedar masih terdapat ramai keluarga miskin di negara kita yang memerlukan bantuan. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian.

#### **Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

**[Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa masih ramai keluarga miskin di negara kita yang memerlukan-bantuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, ada menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada keluarga miskin, Dengan peruntukan kewangan berjumlah RM35 juta setiap tahun bagi membantu 95,000 orang yang terdiri dari ketua keluarga, kanak-kanak, orang tua dan orang cacat di seluruh negara. Lain-lain bantuan juga diberikan melalui Tabung Yayasan Kebajikan Negara oleh syarikat-syarikat swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Usaha Kerajaan mengadakan kempen kutipan tabung bantuan untuk penduduk di luar negara, adalah atas rasa tanggungjawab sesama manusia dan simpati terhadap penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh mereka yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan dan penindasan, Bantuan yang dipohon adalah daripada mereka yang berkemampuan diri secara sukarela.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat juga orang-orang yang sedang menerima bantuan telah dihentikan bantuan. Dan ada setengah-setengahnya pula dikurangkan nilai bantuannya. Apakah ini menjadi satu dasar Kerajaan atau khususnya Kementerian? Bolehkah Kerajaan meneruskan bantuan kepada mereka yang berkenaan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memberi bantuan mengikut kadar-kadar kemiskinan. Ada satu tahap yang penerima bantuan ini mesti dapat dan kita ikut tahap tersebut.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adakah jumlah kutipan yang dipungut untuk sesuatu kempen untuk luar negara diserahkan kesemuanya ataupun boleh atau tidak kita kata sebahagian peratusnya disimpan di dalam negeri untuk bantuan kepada orang-orang miskin yang ada dalam negara. Kerana kita tengok dalam pungutan itu begitu besar. Adakah patut kita serahkan kesemuanya kepada sesuatu pertubuhan? Misalnya seperti kutipan bantuan untuk rakyat di Bosnia begitu besar dan adakah kesemua peruntukan itu diserahkan kepada pihak yang berkenaan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada kempen tertentu. Kalau tujuan kempen ini untuk mengutip derma kepada satu golongan di luar negara, kesemuanya kena dihantar ke luar negara. Kalau sekiranya ada persetujuan di mana sebahagian yang disimpan di negara ini, kita simpan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ada RM35 juta wang yang telah diperuntukkan untuk bantuan kepada penduduk miskin dalam negara ini.

Saya ingin tahu oleh kerana di negeri Kelantan, sebuah negeri yang tidak sama dalam sudut pentadbirannya dengan Kerajaan Persekutuan bagaimanakah penyelarasan dibuat dalam pelaksanaan penyampaian bantuan ini. Kerana di negeri Kelantan mempunyai tabung-tabung yang tertentu seperti "Tabung Serambi Mekah" dan sebagainya. Bagaimana cara pihak Kementerian membuat penyelarasan bantuan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa bantuan yang kita beri kepada golongan-golongan tertentu dan kepada golongan miskin ini, bantuan ini diserahkan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri, dan ini dibahagikan pula oleh Kerajaan Negeri.

#### PEMBEDAHAN PENYAKIT KETUMBUHAN OTAK

5. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Mencari Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah benar atau tidak dakwaan seorang ibu, pembedahan yang dilakukan oleh seorang Doktor Pakar Bedah Otak di Hospital Besar Kuala Lumpur telah menyebabkan anaknya lumpuh dan sebahagian otaknya tersembul di belakang kepalanya; dan
- (b) jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya peristiwa seperti itu dan seumpamanya tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dakwaan bahawa pembedahan yang dilakukan oleh seorang Pakar Bedah Otak di Hospital Besar Kuala Lumpur telah menyebabkan pesakit Mohd. Isa bin Abdul Malek menjadi lumpuh adalah tidak benar sama sekali. Pesakit berkenaan dirujuk kepada Jabatan Bedah Otak dan Saraf, Hospital Besar Kuala Lumpur, setelah didapati mengalami ketumbuhan di pangkal otaknya pada 31.7.91. Pemeriksaan selanjutnya mendapati bahawa pesakit menunjukkan gejala-gejala tekanan tinggi di dalam otak disebabkan pengaliran cecair di dalam otak tersekat disebabkan ketumbuhan itu.
- (b) Memandangkan tekanan di dalam otak adalah terlalu tinggi, dengan izin, "raised intracranial pressure"; satu keputusan telah dibuat untuk menjalankan pembedahan pemintasan di mana keutamaan diberi untuk mengurangkan tekanan di dalam otak pesakit. Pembedahan pemintasan pengaliran cecair di dalam otak telah dijalankan dan kemudiannya, pembedahan 'Posterior Fossa Craniectomy' telah dilakukan di mana ketumbuhan di otak pesakit telah

dibedah walaupun sebahagian dari ketumbuhan itu tidak dapat dibedah dengan sepenuhnya.a.

- (c) Pembedahan kali kedua telah dijalankan dan didapati bahawa ketumbuhan itu telah merebak dengan luasnya, jadi hanya sebahagian sahaja dari ketumbuhan itu dapat dibedah.
- (d) Pada kesimpulannya pesakit ini mengidap ketumbuhan di pangkal otak di mana kedudukan ketumbuhan serta ketepatan ketumbuhan itu membesar telah membuat sukar untuk sebarang pembedahan radikal dijalankan.
- (e) Sebarang pembedahan radikal ke atas pesakit akan menyebabkan risiko yang tinggi terhadap nyawa pesakit kerana ketumbuhan ini berada di bahagian kritikal yang mengawal sistem pernafasan, pergerakan dan sistem-sistem lain. Kelumpuhan pesakit bukanlah disebabkan oleh pembedahan tetapi disebabkan ketumbuhan itu telah menjalar ke bahagian-bahagian kritikal itu dan menekannya.
- (f) Kami berpendapat bahawa rawatan yang sewajarnya telah diberi kepada pesakit dan pihak kami berpuas hati bahawa tidak ada sebarang kecuaiian yang dilakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Begitu lengkap jawapan, saya rasa tidak ada soalan tambahan nampaknya. **[Ketawa]**



**SAHAM SYARIKAT-SYARIKAT - KRITERIA PEMBERIAN**

**6. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan mengenai tentang tawaran-tawaran saham yang diperuntukkan kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah MITI. Apakah kriteria yang ditentukan oleh pihak Kementerian bagi memperuntukkan saham-saham tersebut?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan tawaran saham-saham bagi syarikat-syarikat awam yang melibatkan diri di dalam aktiviti perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Oleh itu, syarikat-syarikat bumiputera yang berminat untuk melanggan saham di dalam sektor-sektor yang dinyatakan di atas hendaklah berdaftar dengan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penawaran saham syarikat yang terlibat di dalam aktiviti kewangan, insurans, perjudian dan syarikat Kerajaan yang diswastakan peruntukannya adalah diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Syarikat-syarikat bumiputera yang berminat hendaklah berdaftar dan majukan permohonan kepada Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang berminat untuk melanggan saham-saham hendaklah berdaftar dengan MITI dan memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) Pegangan ekuiti syarikat hendaklah 100% dimiliki oleh bumiputera;
- (ii) 51% dari Lembaga Pengarah terdiri daripada bumiputera;
- (iii) 51% dari pengurusan/profesional terdiri daripada

bumiputera;

- (iv) 51% dari kakitangan terdiri daripada bumiputera; dan
- (v) Modal berbayar syarikat hendaklah tidak kurang daripada RM25,000.

Setakat ini, sejumlah 2,171 buah syarikat-syarikat bumiputera telah berdaftar dengan Kementerian kita dan syarikat-syarikat ini telahpun diperuntukkan saham-saham berjumlah 56.693 juta saham di antara tahun 1991 hingga 31hb Mac, 1993, iaitu saham-saham untuk 7 buah syarikat. Pengagihan saham-saham ini dibuat secara sama rata dan bergilir-gilir untuk memberi peluang kepada para pelabur bagi mendapatkan tawaran daripada Kementerian kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itupun lengkap jawapan Yang Berhormat Datuk S.S. Subramaniam. Tidak ada soalan tambahan, agaknya?

#### **SKIM SARAAN BARU (SSB) - LAPORAN PRESTASI YANG TIDAK ADIL**

7. Tuan V.K. Sellappan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan Ketua-ketua Jabatan yang didapati secara sengaja bersikap tidak adil ketika membuat laporan prestasi anggota bawahnya setelah implementasi Sistem Saraan Baru (SSB); dan
- (b) apakah tindakan selanjutnya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di~Pertua, sebenarnya tidak ada Ketua-ketua Jabatan yang didapati secara sengaja bersikap tidak adil ketika membuat Laporan Prestasi anggota bawahannya. Apa yang sebenar berlaku ialah bagi pergerakan gaji tahun 1993 yang menggunakan sistem penilaian prestasi lama terdapat beberapa penilaian yang meragukan berpunca dari iangkapan atau persapsi yang sedikit-sebanyak mengandungi unsur subjektif. Adalah sangat sukar untuk mengelakkan unsur subjektif ini sama sekali dalam mana-mana juga Sistem Penilaian Prestasi. Sungguhpun begitu, Kerajaan percaya bahawa masalah berkaitan dengan penilaian prestasi akan dapat diatasi dengan terlaksananya sistem penilaian prestasi baru di bawah Sistem Saraan Baru mulai tahun 1993 ini.

Sukalah saya maklum kepada Yang Barhormat: bahawa bagi memastikan sistem penilaian prestasi yang baik dan objektif, Jabatan Perkhidmatan Awam telah dan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Memberi nasihat dan peringatan kepada Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Penilai serta pegawai-pegawai yang menganggotai Panel Pergerakan Gaji supaya lebih berhati-hati' dan bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi masing-masing;
- (ii) Mengadakan penyiasatan dan kajian ke atas aduan dan rasa tidak puas hati yang telah dirujuk kepada JPA untuk menentukan kebenaran atau kewujudan masalah

yang sebenarnya dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan, jika perlu; dan

- (iii) JPA telah dan akan mengadakan sesi taklimat dan majlis penerangan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menambah kefahaman pihak yang terlibat dalam melaksanakan sistem penilaian prestasi.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam proses melakukan penilaian prestasi. melalui Sistem Saraan Baru ini, adakah jika Kerajaan pada suatu ketika nanti berhajat untuk memberikan bonos? Bonos yang diberikan ini berdasarkan kepada penilaian prestasi berkenaan atau adakah ianya dibuat secara pro-rata ?

Kedua, adakah tuntutan CUEPACS untuk memperolehi tuntutan bonos sesuai dengan dasar SSB ini?

Ketiga, jika bonos tidak dapat diberikan sekarang sewaktu ekonomi sedang baik, bilakah agaknya bonos akan diberikan kepada kakitangan sektor awam?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang ini tiga soalan dalam satu tambahan. Tetapi tidak. mengapalah, sila.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalnya terkeluar daripada soalan asal, saya ingin juga menjawab soalan ini.

Berkenaan dengan bonos, bonos ini ialah tidak kena-mengena dengan penilaian seorang anggota perkhidmatan awam, ini terpulang kepada prestasi ekonomi negara. Dan itu terpulang kepada Kerajaan, jikalau Kerajaan mampu membayar bonos untuk tahun tersebut, maka

bonos akan diberi kepada anggota perkhidmatan awam.

Tuntutan CUEPACS berkenaan dengan bonos, ini terpulanglah kepada kemampuan Kerajaan untuk membayar bonos seperti yang saya sebutkan tadi. Kita tidak melarang CUEPACS membuat tuntutan ini tetapi akhirnya ialah Kerajaan, khasnya Kementerian Kewangan akan membuat keputusan sama ada atau tidak Kerajaan mampu membayar bonos untuk tahun tersebut.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Kerajaan mengadakan kuota-kuota di dalara memberi penilaian berkenaan dengan SSB dan kuota-kuota ini begitu kecil? Ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati dan rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai yang layak diberi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah SSB, prestasi seorang anggota perkhidmatan awam dinilai dan markah diberi berkenaan valuation yang dibuat itu. Berkenaan dengan markah ini, kebanyakannya di dalam Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian bahawa pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam akan mendapat markah di antara 50% sampai 79.9%. Ini ialah dikatakan mendatar atau horizontal dan bilangan mereka ramai di dalam golongan ini. Oleh kerana kita memberi markah di bawah SS3 ini, penilaian adalah lebih objektif dan adil. Kita memberi markah-markah untuk, misalnya, aspek kegiatan dan sumbangan seperti aktiviti-aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan selaras dengan- konsep budaya ikram dan persyarikatan Malaysia. Kita juga mengaitkan sistem ini secara langsung prestasi cemerlang dengan Anugerah Penglibatan Cemerlang serta syor bagi pengurniaan bintang, pingat atau surat penghargaan.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, nampaknya Che Pora tidak.....

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Soalan saya bukanlah ciri-ciri penilaian.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti Che Pora.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Maaf, soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tambahan sekali lagi. Saya rasa macam **ini**. Minta penjelasan, ya. Penjelasan yang tidak terang ataupun hendak minta soalan baru. Hendak. minta penjelasan kepada soalan tadi ataupun soalan baru?

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Penjelasan.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Penjelasan berkenaan dengan mengapakah kuota-kuota diadakan di Kementerian-kementerian ataupun Jabatan-jabatan, Maksud saya bilangan pegawai yang diberikan, bukanlah ciri-ciri pelaksanaan SSB ini dinilai.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa terang soalan ini. Adakah soalan ini berkenaan kuota bilangan anggota terhad?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat dia maksudkan kenapa sesuatu jumlah itu diberikan kepada sesuatu jabatan berbanding dengan jumlah-jumlah lain di jabatan yang lain.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Oh! Itu terpulang kepada prestasi Jabatan-jabatan tersebut atau Kementerian-kementerian tersebut. Di bawah SSB ini, markah untuk melintang, iaitu 90% ke atas, hanya 2% dari jumlah pegawai dihadkan untuk markah ini. Oleh kerana kadang-kadang sesebuah Jabatan atau Kementerian tidak dapat anggotanya mencapai prestasi sampai 90% ke

atas. Jadi, kadang-kadang Jabatan itu tidak mempunyai markah yang saya sebutkan ini berkenaan dengan melintang. Ini bukan terhad. Tidak ada soalan Jabatan itu rnenghadkan bilangan anggota perkhidmatan awam untuk satu-satu kelas yang saya sebutkan itu. .

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Hajah Che Pora. Bukan soalan tambahan. Puan Hajah Che Pora.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

#### MASALAH DISIPLIN GOLONGAN REMAJA - PROGRAM PEMULIHAN

**3. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk membasmi masalah golongan remaja Melayu yang paling ramai tidak mematuhi arahan ibu-bapa dan sering melanggar peraturan sekolah.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat telah mengambil langkah untuk membasmi masalah akhlak golongan remaja dengan mengadakan program-program pemulihan dan pencegahan seperti berikut:

- (i) ceramah, forum dan bengkel di sekolah-sekolah yang mempunyai masalah disiplin;
- (ii) mengadakan kem kesedaran dan motivasi bagi remaja dan murid-murid sekolah yang bermasalah;
- (iii) memberi khidmat kaunseling kepada keluarga murid-murid; dan
- (iv) ceramah kesedaran kepada ibu-bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat.



Kita semua bertanggungjawab menangani masalah - Kerajaan, masyarakat, ibu bapa dan pemimpin masyarakat termasuk Yang Berhormat Senator sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datin Wan Intan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kursus-kursus atau ceramah-ceramah yang diberi ini kepada sekolah yang tertentu ataupun menyeluruh kerana saya difahamkan memang ada sekolah-sekolah yang memberi ceramah-ceramah? Tetapi sepatutnya di masa akan datang ini, hendaklah kita memberi ceramah-ceramah kepada kanak-kanak khususnya Tingkatan Tiga manakala sebelum sekolah bercuti ataupun di dalam sekolah bercuti hendaklah diberi ceramah dengan sempurna. Jika tidak, ini yang menyebabkan berlaku kes-kes juvana yang banyak didapati di dalam mahkamah kanak-kanak.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita beri kursus-kursus kepada sekolah-sekolah tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya .

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya boleh lagi satu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa jangan minta tambahan, minta penjelasan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad:** Minta maaf. Minta penjelasan mengapa tidak memberi menyeluruh di sekolah-sekolah. Lebih-lebih lagi kita difahamkan sudah 96 anak-anak sekolah yang sudah mula hendak malas dan tidak mahu belajar Lagi .

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan masalah ini tidak menyeluruh. Sebab itu, tidak perlu kita beri ceramah-ceramah atau kursus . kepada semua sekolah. Kita tumpukan kepada sekolah-sekolah yang ada masalah sahaja.

#### PELARIAN VIETNAM - PENGAWASAN

9. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan pelarian Vietnam yang telah diterima bekerja di negara ini dan jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Apakah Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh kontrak pekerja ini setelah tamat kontrak dua tahun yang diberikan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada pelarian Vietnam yang dibenarkan bekerja di negara ini. Oleh yang demikian, soal melanjutkan tempoh kontrak pekerjaan mereka tidak timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak timbul; memang tidak ada tambahanlah ya.

#### KENAIKAN KADAR INFLASI - LANGKAH MEMBENDUNG

10. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada intfasi menyusahkan rakyat yang berpendapatan rendah dan jika ya, adakah langkah-langkah sudah diambil untuk membendungkan paras inflasi supaya tidak melebihi kadar 4%.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi negara seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna bagi keseluruhan tahun 1992 ialah 4.7%. Bagi tempoh Januari hingga April 1993, kadar yang lebih rendah sebanyak 4.3% telah dicatatkan, berbanding dengan kadar sebanyak 4.4% dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lalu. Prestasi ini adalah menggalakkan.

Pada masa yang sana, indeks bagi kumpulan makanan telah mencatatkan peningkatan yang berkurangan iaitu sebanyak 2.5% berbanding dengan kenaikan 6.5% pada tempoh yang sama tahun lalu.

Inflasi memang menyusahkan rakyat terutama rakyat yang berpendapatan rendah. Kenaikan harga makanan akan membawa kesan yang buruk kepada mereka. Oleh itu, Kerajaan mengambil berat masalah ini dan beberapa langkah telahpun dilaksanakan untuk mengurangkan kadarnya. Di antara langkah tersebut termasuklah:-

- (i) mengekalkan dasar kewangan yang ketat dan dasar fiskal yang berhemat serta bercermat.
- (ii) menggalakkan tabungan dalam negeri dan mengawal peningkatan pesat dalam perbelanjaan swasta dengan meneruskan syarat kelayakan yang ketat bagi penggunaan kad kredit.
- (iii) meningkatkan latihan kemahiran dan melonggarkan dasar pengambilan tenaga kerja asing dan menambahkan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur yang bertujuan mengurangkan kesesakan infrastruktur, di samping mengembangkan keupayaan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengumumkan beberapa tangkah tambahan. di dalam Belanjawan yang dibentangkan tahun lalu, bagi membendung inflasi. Langkah-langkah tersebut termasuklah:-

- (i) penubuhan Tabung Industri Pengeluaran Makanan yang mempunyai dana sebanyak RM300 juta;
- (ii) mengurangkan atau menghapuskan duti import ke atas lebih 600 jenis barangan, termasuklah makanan;
- (iii) menaikkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 2% kesemuanya;
- (iv) mengeluarkan Bon Simpanan Kerajaan bernilai RM1,000 juta melalui Bank Negara Malaysia untuk dijual kepada individu dan institusi; dan
- (v) Kerajaan telah menubuhkan Panel Upah Negara untuk membantu penyelarasan kadar upah yang munasabah di kalangan sektor swasta berdasarkan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi hanya akan berkesan sepenuhnya jika seluruh masyarakat turut membanteras inflasi. Ini termasuklah berbelanja mengikut kemampuan sendiri, menambahkan tabiat menabung dan berusaha meningkatkan produktiviti. Saya percaya, jika setiap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing, kita akan dapat membendung masalah inflasi ini kepada tahap yang paling rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Zainal, sudah puashati ya?

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** [Menganggukkan kepala]

**BARANG-BARANG TIRUAN - JUMLAH KILANG DIDAKWA KE MAHKAMAH**

12. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) berapakah buah kilang telah didakwa ke mahkamah kerana menjalankan kegiatan membuat barang-barang tiruan bagi tahun 1992-1993; dan
- (b) adakah Kementerian ini sedar bahawa ramai pengguna-pengguna merungut kerana tertipu membeli barang-barang tiruan yang sukar hendak dikenali dan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak. Cheng Lum]** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 9 buah kilang kerana menjalankan kegiatan membuat atau mengilang barang-barang tiruan dengan nilai rampasan berjumlah RM1,374,580 di sepanjang tahun 1992. Bagi tahun 1993 pula, iaitu sehingga 31hb Mei, 1993, tindakan diambil ke atas 2 buah kilang, juga atas kesalahan membuat barang-barang tiruan dengan nilai rampasan barang-barang berjumlah RM350,000.
- (b) Kementerian memang sedar bahawa terdapatnya para pengguna yang tertipu kerana terbeli barang-barang tiruan disebabkan sukar hendak mengenali antara barang-barang

tulen atau barang-barang asli dengan barang-barang tiruan.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian telah, sedang dan akan terus mengambil beberapa tindakan, termasuk:-

- (i) bekerjasama dengan syarikat-syarikat pengeluar barangan tulen dalam membanteras aktiviti-aktiviti membuat barang-barang tiruan;
- (ii) mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang bertanggungjawab membuat, mengedar atau menjual barang-barang tiruan;
- (iii) mengadakan perbincangan atau dialog dengan persatuan-persatuan perniagaan dan lain-lain pihak yang berkepentingan dengan tujuan supaya mereka sentiasa mengamalkan budaya niaga yang sihat; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran pengguna di kalangan rakyat melalui penganjuran seminar ceramah, dialog dan pameran.

Menerusi kegiatan-kegiatan ini, pengguna adalah didedahkan kepada maklumat-maklumat terkini mengenai barangan, tempat pembelian yang sesuai serta keaslian barangan. Hal yang demikian, membolehkan para pengguna bertindak dengan lebih bijak dan dapat mengelakkan dirinya dari terbeli barang-barang tiruan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk makluman bersama, kita melangkau soalan No.11 oleh Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man, kerana soalan itu telah dijawab bersama dengan soalan No.2 oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam sebentar tadi. Jadi, sekarang soalan ke 13.

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM - FUNGSI**

**13. Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberitahu apakah fungsi Lembaga Perlesenan Tenaga Atom dan berapakah peruntukan kewangan diluluskan untuk kerja-kerja penyelidikan.

**Timbalan Menteri Sains, teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah ditubuhkan pada 1hb Februari, 1985 di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 8 Akta 304, fungsi-fungsi Lembaga Perlesenan Tenaga Atom adalah seperti berikut:-

- (i) memberi nasihat kepada Menteri dan Kerajaan atas perkara-perkara berhubungan dengan tenaga atom;
- (ii) mengawal dan mengawasi pengeluaran, pemakaian dan penggunaan tenaga atom;
- (iii.) mengadakan kerjasama saintifik dan teknik dengan semua badan, institusi atau organisasi lain berhubungan dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom; dan
- (iv) mengambil tindakan kepada perkara-perkara lain yang timbul dari masa ke semasa yang berkaitan dengan tenaga atom.

Untuk makluman Ahli Yang Berhonnat, jumlah peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang diluluskan untuk melakukan kerja-kerja penyelidikan perundangan yang berkaitan dengan perlindungan sinaran adalah sebanyak RM1,282,000.

**NELAYAN TEMPATAN PEBMOHONAN MENUKAR ENJIN GRT**

**14. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa permohonan telah diterima dari nelayan tempatan memohon untuk menukar kulit/enjin dari GRT kecil ke GRT besar yang melebihi 50 GRT;
- (b) berapa permohonan telah diluluskan dan ditolak; dan
- Cc) sebab-sebab permohonan diluluskan dan ditolak dalam tahun 1991, 1992 dan 1993.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua,,

- (a) Bilangan permohonan yang diterima untuk menukar kulit dan enjin dari GRT kecil ke GRT besar adalah seperti berikut:

Tahun	Permohonan
1991	49
1992	29
1993 (sehingga April)	25
Jumlah	103

- (b) Bilangan permohonan yang telah ditolak dan diluluskan adalah seperti berikut:

Tahun	Tolak	Lulus
1991	44	5
1992	28	1
1993 (sehingga bulan April)	223	3

- , (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan diberi kerana kajian Jabatan Perikanan menunjukkan bahawa di



kawasan-kawasan berkenaan masih terdapat sumber-sumber yang membolehkan GRT vesel ditambah. Sebaliknya pula, permohonan ditolak kerana adanya keperluan bagi mengawal sumber gerikanan daripada dimusnahkan oleh penangkapan ikan yang berlebihan, terutamanya di Pantai Barat Semenanjung di mana stok-stok ikan telah berkurangan.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak bertanya soalan tambahan, tetapi makna "GRT" ini, tak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, makna "GRT" ialah "Gross Tonnage".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh, itu sahaja. Adakah hendak tanya pula apa dia "Gross Tonnage" itu? [Ketawa]

#### PEKERJA HARAM - BILANGAN

**15. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pekerja haram di negara ini pada masa ini yangi belum memohon permit kerja. Apakah tindakan Kerajaan yang sedang diambil untuk menghadkan atau mengawal kemasukan pekerja-pekerja haram ini; dan
- (b) adakah" golongan pekerja haram yang belum memohon permit akan diberi peluang untuk bekerj-a di sini ataupun akan dihantar balik ke negara asal mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

Ca) Bilangan pekerja tanpa izin di negara ini yang belum memohon untuk mendapatkan pas kerja adalah tidak diketahui

kerana kebanyakan daripada mereka telah memasuki negara ini tidak melalui pintu masuk (entry point) yang diwartakan. Bagaimanapun, adalah dianggarkan lebih kurang 200,000 orang pekerja tanpa izin yang telah mendaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia masih belum memohon untuk mendapatkan Pas Lawatan (Kerja Sementara).

3agi mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing secara haram, kawalan telah ditingkatkan di kawasan-kawasan yang disyaki menjadi pintu masuk dan tempat pendaratan pendatang-pendatang asing seperti di kawasan sempadan dan pesisiran pantai.

- ( b) Dalam Operasi Pengesahan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan April dan sedang berjalan sekarang, pekerja tanpa izin yang sedang bekerja di negara ini/sama ada telah mendaftar atau belum mendaftar, akan dibenarkan memohon untuk mendapatkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mereka yang gagal berbuat demikian, akan dihantar pulang ke negara asal.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula boleh beratus-ratus ribu orang-orang asing masuk secara haram ke negeri ini sehingga tidak dapat dikawal?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Partua, pernah saya jawab di Dewan yang mulia ini, bahawa salah satu faktor utama di mana beribu-ribu pendatang asing telah mencari jalan - tidak kira jalan sah atau jalan tidak sah masuk - kerana terdapat banyak peluang pekerjaan di sini. Dan banyak majikan-majikan di negara ini sanggup mengambil mereka, walaupun secara haram mereka diambil juga untuk bekerja. Itu adalah salah satu faktor, kerana perkembangan ekonomi negara kita. Keadaan kemasukan ini telah pun terkawal bukannya tidak terkawal dan telah berulang-kali saya jawab langkah-langkahnya, saya rasa tidak payah saya ulangi di sini.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Kerajaan menghantar balik pekerja haram ke negara asal mereka? Siapakah yang membiayai kos penghantaran balik, iaitu negara asal mereka datang, sindiket, orang yang membawa mereka masuk ataupun Kerajaan Malaysia?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, seboleh-bolehnya Kerajaan Malaysia tidak akan membebankan diri dengan perbelanjaan itu.

Salah satu cara di mana kita menghantar mereka pulang ialah dengan menggalakkan mereka balik secara sukarela iaitu dengan perbelanjaan mereka sendiri.

Untuk mereka yang memang tidak mampu iaitu dia tidak ada wang langsung, kalau masuk dalam depot kita ada perundingan dengan kedutaan mereka. Dan bagi mereka yang benar-benar sudah masuk dengan wang cagaran yang cukup, kalau sekiranya melanggar undang-undang, kita gunakan wang deposit itu untuk membeli tiket kapal terbang atau membeli tiket tambang kapal laut untuk menghantar mereka balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chong Chi siong.

**Tuan Haji Zainal bin Md. Deros:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No. 16,

**ELEKTRIK - KEROSAKAN SELEPAS 10.00 MALAM**

16. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros [di bawah S.O 23(2)] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab pekerja-pekerja TNB berfungsi hanya sampai jam 10.00 malam sahaja. Apakah tindakan pihak Kementerian terhadap kerosakan elektrik selepas pukul 10.00 malam khususnya di kawasan perindustrian. Adakah dalam rancangan Kementerian ingin menubuhkan syarikat TNB kedua supaya mewujudkan saingan dan meningkatkan perkhidmatan awam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antrarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Tenaga,

Telekom dan Pos.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk. S.S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, di semua Pejabat Daerah Tenaga Nasional Berhad terdapatnya Pusat Pengurusan Bekalan yang menerima aduan kerosakan dan pasukan. senggaraan yang akan mengambil tindakan untuk membaikinya.

Di bandar—bandar besar, Pusat Pengurusan Bekalan ini beroperasi selama 24 jam secara 3 syif, manakala di pekan-pekan kecil ianya beroperasi 2 syif sehingga 11.00 atau 12.00 tengah malam. Di kawasan di mana Pusat Pengurusan Bekalan beroperasi sehingga 11,00 atau 12,00 tengah malam, panggilan selepas waktu tersebut akan diambil oleh pegawai keselamatan yang bertugas dan maklumat-maklumat berkenaan akan disampaikan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, pengguna-pengguna termasuk pengguna-pengguna industri boleh menghubungi Pusat Pengurusan Bekalan pada bila-bila masa. Dalam kebanyakan kawasan perindustrian, wakil-wakil industri boleh juga menghubungi terus kepada jurutera tunggu-sedia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Syarikat TNB Kedua supaya wujud persaingan kepada TNB. Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan persaingan dalam sektor industri elektrik, Kerajaan telahpun memberi

kelulusan kepada YTL Corporation untuk menjanakusa elektrik dan menjualkannya kepada TNB. YTL Corporation akan menjana 1,170 Megawati mulai tahun 1996. di samping sebuah lagi syarikat iaitu Sikap Power Sendirian Berhad juga telah diberi kebenaran untuk menjana 1,300 Megawatt di Lumut. Sikap sedang berunding dengan TNB untuk menandatangani Perjanjian Pembelian Kuasa. Pihak Sikap Sdn. Bhd. juga sedang berunding dengan PETRONAS untuk menandatangani Perjanjian. Pembelian Gas.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah meminta 2 konsortium mengemukakan cadangan untuk menjana elektrik sebanyak 440 Megawati di Negeri Sembilan dan 280 Megawati di Melaka. Baru-baru ini Kerajaan juga memberi persetujuan untuk membenarkan Genting Sanyen Sdn. Bhd. untuk menjana elektrik sehingga 720 Megawati dan menjualkan kuasa lebihnya kepada TNB, dan dari segi persaingan di sektor pengagihan Kerajaan sedang mempertimbangkannya.

#### **BELIA - PENAMBAHAN PROGRAM DAN AKTIVITI**

17. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan penambahan kes jenayah di antara kaum Belia pada masa ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal keadaan ini dan apakah aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Kerajaan supaya menarik penglibatan belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar tentang penambahan kes jenayah di kalangan golongan belia pada masa ini.

Oleh itu, Kementerian iai telah dan akan melaksanakan berbagai program bagi golongan belia, Di antara program yang dijalankan ialah menubuhkan Pusat Komunikasi Belia Bandar bagi memenuhi masa lapang golongan belia di mana pusat ini akan berfungsi untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan belia.

Kementerian ini akan memperkenalkan konsep baru Program Pembangunan Belia yang akan diwujudkan di seluruh negara, yang akan dikenali sebagai Pusat 3K, yang akan menekankan kepada aspek komunikasi, kemahiran dan kaunseling. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menudahkan mengesan belia tempatan terutama di luar bandar yang masih menganggur dan memerlukan pekerjaan serta memastikan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada belia tempatan, di samping menyekat penguasaan/perluasan buruh asing di negara ini.

Selain daripada itu, pusat ini juga akan menjalankan pelbagai kegiatan yang berfaedah seperti menganjurkan kursus-kursus dalam bidang komputer, ceramah semasa di samping menganjurkan berbagai pertandingan seperti pertandingan lukisan masakan, karangan dan lain-lain.

Kementerian Belia dan Sukan juga menjalankan Program Anugerah Remaja Perdana bertujuan menggalakkan aktiviti-aktiviti sukarela dengan memberi latihan kemahiran supaya belia-belia dapat berdikari, rnenganjurkan kuraus-kursus untuk menamakan semangat cintakan agama dan ne-gara, menjalankan ~~Ken~~ Tunas Nasional untuk memenuhi masa

cuti belia-belia, melahir dan membina usahawan ke arah meningkatkan ekonomi golongan belia dan lain-lain ' program mengikut keperluan semasa.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan ada program-program baru yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan adakah program-program yang telah dijalankan, sebelum program yang baru ini, tidak begitu mencapai matlamat untuk mengatasi masalah-masalah jenayah di kalangan belia-belia?

**Cik Teng' Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum kita menjalankan program baru 3K, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai berbagai program sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu mengadakan berbagai kursus-kursus, kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti untuk belia.

Kita tidak boleh mengatakan "tidak berkesan" walaupun memandangkan sejak kebelakangan ini jenayah juvana semakin hari semakin meningkat. Sebab itulah kita menambahkan lagi atau menukar projek baru 3K. Itu bukanlah patut dikatakan kegiatan yang kita jalankan tidak berkesan, kerana masih ada di peringkat daerah, di negeri atau di merata tempat kita mengadakan 'projek yang baru. Ini maknanya kita menambahkan lagi, jika tidak berapa cukup aktiviti untuk belia-belia kita.



**ELEKTRIK - GANGGUAN BEKALAN DI LUAR BANDAR**

18. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kedudukan bekalan elektrik di luar-luar bandar yang selalu terganggu dan tidak efficient.

**Datuk S.S.Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk S.S.Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, penyaluran bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna luar bandar adalah kebiasaannya melalui sistem talian atas. Sistem ini adakalanya terdedah kepada gangguan dahan-dahan pokok yang patah semasa cuaca buruk yang boleh mengakibatkan sesalur atas putus atau tiang-tiang elektrik tumbang. Gangguan bekalan elektrik juga disebabkan oleh kehadiran haiwan seperti ular, monyet dan sebagainya yang menggugat alat-alat yang terpasang.

Lazimnya di dalam pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar, kesukaran mendapat persetujuan penduduk kampung untuk mencantas pokok adalah di antara masalah yang dialami oleh Tenaga Nasional. Di dalam keadaan di mana projek perlu disiapkan dengan cepat, potongan atau cantasan dahan-dahan pokok hanya dapat dibuat dengan kadar minima sahaja.

Menyedari keadaan ini, salah satu langkah yang akan diambil oleh Tenaga Nasional untuk mengurangkan gangguan di kawasan luar bandar ialah dengan menggunakan pengalir 'Aerial Bundle Cable' (ABC)

menggantikan pengalir yang tidak bersalut secara berperingkat. Keutamaan akan diberi kepada projek-projek baru. A.BC adalah lebih selamat atas sifat-sifatnya yang kurang sensitif kepada geseran dahan-dahan dan masalah sentuhan di antara pengalir dengan yang lain dapat diatasi.

**Timbalan Yang di-Pertua;** Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

**GRADUAN LEPASAN FARMASI - TAWARAN "PRE-REGISTRATION"**

19. **Tuan Ding Seling [(di bawah 5.0.22(3) ]** minta Menteri Kesihatan rnenyatakan:

- (a) sama ada Kementerian menawarkan graduan lepasan farmasi menjalankan "Pre-Registration" di hospital-hospital Kerajaan atau swasta seperti yang dianjurkan oleh Kementerian terhadap para doktor;
- (b) berapa ramaikah pelajar yang sedang menjalani kursus farmasi di luar dan dalam negara;
- (c) apakah Kementerian akan juga menawarkan perkhidmatan jawatan Farmasi kepada para graduan terutamanya pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam selepas tamat tempoh "Pre-Registration";
- (d) berapa peratuskah tahap kekurangan ahli farmasi di negara kita hingga sekarang dan adakah tahap ini dijangka menurun pada tahun-tahun akan datang; dan
- (e) apakah tindakan yang mungkin boleh diambil terhadap banyak

kedai-kedai runcit dan pasaraya biasa menjual ubat-ubatan termasuk ubat-ubat batuk dan ubat-ubat lain yang mungkin boleh menjejaskan kesihatan umum kerana tidak mendapat pakar Farmasi bagi mengurangkan cara menggunakan ubat-ubat tersebut dengan teratur,

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian Kasihatan menawarkan 75 tempat untuk membolehkan graduan farmasi mengikuti latihan "pre-registration" sebelum mereka dapat didaftarkan untuk mengawal farmasi. Hospital Universiti di kedua-dua Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia juga menampung beberapa tempat latihan. Di sektor swasta, 16 pertubuhan yang terdiri dari kedai farmasi, hospital dan kilang farmasitikal, juga menawarkan tempat-tempat latihan. Pertubuhan-pertubuhan ini telah diiktirafkan oleh Lembaga Farmasi sebagai pusat latihan "pre-registration" untuk graduan Farmasi.
- (b) Jumlah pelajar yang sedang menjalani Kursus Farmasi di luar negeri adalah seramai 35 orang dan di dalam negeri adalah seramai 75 orang.
- (c) Bagi para graduan farmasi selepas tamat tempoh "pre-registration", Kementerian Kesihatan ada menawarkan jawatan farmasi di mana urusan latihan diuruskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (d) Pada masa kini kekurangan Ahli Farmasi di Malaysia adalah

pada tahap 15% dan ini dijangka akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

- (c) Kementerian Kesihatan menilai semua ubat-ubatan yang diketahui dipasarkan untuk kegunaan orang ramai. Penilaian ini dijalankan oleh Lembaga Racun dan juga Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, yang ditubuhkan di bawah undang-undang. Selepas penilaian ini, ubat-ubatan yang dianggap sebagai selamat digunakan tanpa memerlukan nasihat dan penyeliaan pengamal perubatan atau ahli farmasi, boleh dijual oleh kedai runcit, pasaraya dan kedai-kedai lain. Ubat-ubatan ini dijangka selamat dan tidak menyebabkan kesan sampingan yang mudarat seharusnya tidak menjejaskan kesihatan orang ramai jika ia digunakan menurut arahan yang disebutkan di dalam label kotak. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji semula status pengkelasan ubat-ubat ini dengan mengambil maklum kesan advers dilaporkan. Sekiranya diperlukan, ubat-ubatan yang berkenaan akan dikelaskan semula supaya ia hanya dibekalkan oleh pengamal perubatan atau farmasi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut pada hari **ini**.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.20 hingga 51 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**MenteridiJabatanPerdanaMenteridanMenteriUndang-undang**

**[Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya  
mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan,

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(~~WILAYAH-WILAYAH~~ PERSEKUTUAN)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **(9hb Jun, 1993)** .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Mentari di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang rnenyambung jawapannya.

3.36ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya sekali Lagi merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti Hussin, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Saidin Mohamad dan Yang Berhormat Tuan Haji Salleh @ Hassan Ali yang berucap membahaskan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992.

Bagi menyambung pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan pada hari semalam, saya suka membawa perkara-perkara berikut untuk jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat Hajah Zaleha Hussin supaya fungsi Majlis diperluaskan untuk meliputi institusi pengajian di kampung-kampung mengikut Fasal 4 sehingga Fasal 31, suka saya memaklumkan bahawa sekiranya diteliti di dalam peruntukan Rang Undang-undang **ini**, fungsi Majlis adalah meliputi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebagai contoh, Pasal 7(2)(f) ada menerangkan mengenai perkara ini.

Mengenai langkah-langkah atau usaha-usaha Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk mempertingkatkan kualiti Khatib dan Imam yang membaca Khutbah, suka saya menyatakan bahawa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telahpun mengambil tindakan mempertingkatkan keilmuan dan kemahiran Khatib, Imam dan lain-lain pegawai masjid menerusi seminar, bengkel, kursus dan mesyuarat serta perbincangan dengan para Imam dan Khatib dan lain-lain pegawai masjid dari masa ke semasa. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pula akan mengadakan program Imam dan Khatib dan penulis khutbah jemputan untuk masa-masa tertentu, khususnya apabila wujudnya isu yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Khutbah-khutbah Jumaat telah disediakan lebih awal oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi membolehkan Imam dan Khatib meneliti dan seterusnya memahami dan menghayati isi kandungannya.

Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha Hussin juga ada membangkitkan mengenai penyelarasan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang tidak seragam. Berkaitan dengan perkara ini, sukalah saya memaklumkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telahpun mengambil inisiatif mengkaji hal ini dan usaha-usaha penyelarasan ini sedang dijalankan di dalam semua hal termasuklah di dalam menyelaraskan undang-undang berkaitan masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz ada membangkitkan berhubung dengan Pasal 39(3) iaitu mufti boleh menyelesaikan masalah awam mengikut hemat sendiri jika tidak ada qaul muktamad daripada empat Mazhab. Keputusan yang dibuat oleh mufti mengikut hematnya sendiri tidaklah boleh berlawanan dengan Syarak kerana keputusan ini dibuat adalah keputusan yang diambil setelah mengkaji secara mendalam. Walau bagaimanapun, keputusan yang dibuat tidak berdasarkan empat qaul tetapi ianya termasuk di dalam pendapat yang diiktiraf oleh Islam dan juga ianya akan meluaskan lagi bidang siasah, syariah dan kepentingan awam.



Mengenai perlantikan Hakim, Pendakwa dan Peguam Syarie pula, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri mengikut amalan pentadbiran pada masa ini, semua perlantikan Hakim dan Pendakwa yang mengendalikan kes-kes Mahkamah Syariah adalah dipastikan mereka ini terdiri dari kalangan mereka yang arif di dalam perundangan Islam. Walau bagaimanapun, bagi maksud Peguam Syarie, perkara ini akan diteliti dan akan diambil langkah-langkah yang sesuai bagi memenuhi Rang Undang-undang ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri supaya penamatan perlantikan hendak ditambahkan. Di dalam Fasal 11, apabila perkhidmatannya ditamatkan sebagai salah satu untuk membatalkan kedudukannya sebagai ahli Majlis jika Yang Berhormat selidik bawah Fasal 12 Rang Undang-undang ini ada menyatakan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan mengenai Rang Undang-undang yang tidak menyebut syarat Islam. Dalam perlantikan Hakim Syariah, mengikut Akta yang dicadangkan, tidak diperuntukkan ia mestilah seorang Islam. Ini kerana dalam Hukum Syarak sendiri, ia mestilah seorang Islam. Ini kerana dalam Hukum Syarak sendiri, syarat terkanun untuk jadi Hakim atau Kadhi, seseorang itu mestilah seorang Islam, di samping syarat-syarat yang lain seperti berilmu, mujtahid, adil, berakal, akil baligh dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba pula ada membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan cadangan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman. Ini saya anggap adalah satu cadangan yang baik untuk mempertingkatkan Perkhidmatan

Kehakiman Syariah. Buat masa **ini**, sebagai langkah awalan kita telah ditubuhkan satu sistem kehakiman dengan adanya Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Di dalam sistem Mahkamah Sivil ada dua sistem yang digunakan. Untuk Mahkamah Rendah dan Mahkamah Sesyen, perlantikannya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang telah dipilih oleh Suruhanjaya -Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, dan untuk Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, perlantikan mereka adalah mengikut peruntukan Perlembagaan. Jadi, sistem yang sedang digunakan oleh Mahkamah Sivil ini boleh diberikan perhatian dari masa ke semasa untuk meningkatkan taraf dan darjat kedudukan sistem kehakiman dalam Mahkamah Syariah.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga telah menimbulkan di dalam Rang Undang-undang ini berkenaan takrif 'masjid'. Adakah masjid termasuk 'surau' atau 'madrasah'. Di bawah peruntukan takrif 'masjid', ia termasuk 'surau' atau 'madrasah'. Oleh hal yang demikian, sebarang pembinaan surau atau madrasah, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah dikawal di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini.

Mengenai cadangan pemusatan muallaf pula, langkah-langkah mengumpul dan memusatkan Sistem Maklumat Islam termasuklah hal ehwal muallaf, sedang diusahakan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam dengan-kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Cadangan menubuhkan Tabung Khairat Umat Islam Malaysia, sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga adalah satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian yang sewajarnya.

Mengenai cadangan menukar korban yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rahim bin Baba iaitu menukar korban penyembelihan kepada korban wang ringgit ataupun barangan untuk

tujuan menubuhkan Tabung Kebajikan Umat Islam, seperti yang dibangkitkan tadi, saya suka menyebutkan perkara-perkara yang berikut: Pertamanya, mengikut ajaran Islam, 'korban' adalah satu ibadat yang khusus dengan syarat-syarat tertentu. Jika ianya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ianya tidak dipanggil ibadat korban. Walau bagaimanapun, jika wang ringgit diberikan, maka ianya termasuklah dalam bab sedekah. Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menubuhkan Tabung Kebajikan Umat Islam ianya adalah baik dan perkara ini akan dikaji dan diteliti oleh Majlis bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mengganti perkataan 'sembahyang' kepada 'solat' seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad, perkataan 'sembahyang' yang bermaksud 'solat' adalah lazim digunakan oleh seluruh masyarakat Islam di Malaysia, dan ianya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan pemahaman mengenai perkataan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Haji Salleh @ Hassan bin Ali ada menyentuh mengenai lantikan ahli Majlis hendaklah daripada orang-orang yang berkeelayakan. Pada masa ini, perlantikan ahli-ahli Majlis yang dibuat adalah terdiri daripada mereka yang berkeelayakan yang mengikuti berbagai bidang dan berkewibawaan dalam masyarakat. Pandangan Yang Berhormat ini sentiasa diambil perhatian di dalam membuat perlantikan ahli-ahli Majlis pada masa akan datang.

Mengenai cadangan peningkatan pengurusan dan penyelenggaraan masjid, cadangan Yang Berhormat adalah baik, dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada masa ini sedang mengambil langkah yang sesuai bagi mempertingkatkan perkhidmatan menyelenggara masjid di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ahli-ahli agama yang menyebarkan ajaran yang menyeleweng, untuk makluman Yang Berhormat pelajaran agama adalah dikawal melalui sistem pemberian tauliah. Mana orang yang menyeleweng akan diambil tindakan melalui penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya suka saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas pemerhatian dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas Rang Undang-undang tersebut, dan semua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil maklum dan perhatian ke arah memperluas dan memantapkan lagi pentadbiran undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan di seluruh negara amnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 103** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.50      ptg.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda beberapa peruntukan Akta Keterangan yang sedia ada dan memperuntukan beberapa seksyen yang baru untuk membolehkan keterimaan keterangan-keterangan dokumentar yang dihasilkan oleh komputer di mahkamah. Pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan adalah perlu kerana dengan perkembangan di bidang teknologi, penggunaan komputer telah meningkat di badan-badan Kerajaan serta swasta. Oleh sebab itu kini terdapat banyak dokumen yang dihasilkan dari penggunaan komputer. Dokumen-dokumen tersebut akan dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan dan boleh menimbulkan soal kebolehterimaan,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peruntukan-peruntukan kebolehterimaan keterangan komputer, peruntukan kebolehterimaan keterangan-keterangan lain telah dipertimbangkan dan beberapa pindaan telah dibuat kepada seksyen-seksyen yang sedia ada untuk memperluaskan kebolehterimaan keterangan selaras dengan perubahan masa,

Seksyen 3 Akta Keterangan 1950. Tujuan pindaan ini adalah untuk memasukkan tafsiran bagi perkataan-perkataan. seperti "komputer", "dokumen", "filem", "mikrofilem" dan sebagainya. Tafsiran "dokumen" telah diperluaskan untuk merangkumi rakaman video dan kaset bagi mengatasi sebarang keraguan tentang kebolehterimaan keterangan seperti ini. Definisi-definisi baru ini telah diadakan selaras dengan pembentukan peruntukan tambahan yang dicadangkan dengan mengadakan undang-undang mengenai dokumen-dokumen yang dihasilkan oleh komputer.

Peruntukan baru Seksyen 31A. Kajian di dalam aspek kebolehterimaan kenyataan beramaran tertuduh menunjukkan bahawa kebelakangan ini terdapat percanggahan di antara beberapa keputusan mahkamah dalam memutuskan di peringkat manakah kenyataan beramaran tertuduh boleh dikemukakan. Peruntukan baru ini adalah perlu untuk mengatasi konflik di antara kes-kes tersebut dan untuk menjelaskan serta memberi kesan kepada keputusan mahkamah yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 32(i) dan 32 (j) dan seksyen baru 32(2) juga dipinda. Kebelakangan ini didapati bahawa terdapat banyak perbicaraan yang tertangguh akibat kegagalan pihak pendakwa dalam mengesan saksi-saksi penting untuk hadir di mahkamah. Peruntukan seksyen 32(i) yang baru akan membolehkan kenyataan saksi-saksi tersebut dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan. Salah satu sebab yang lain mengapa kes-kes di mahkamah tertangguh ialah terdapat keadaan di mana Pegawai Penyiasat berada di luar negeri kerana berkursus, telah pencen atau telah meninggal dunia. Untuk melicinkan perjalanan perbicaraan di mahkamah, jika timbulnya keadaan sedemikian, peruntukan seksyen 32(j) membolehkan "diary penyiasatan" pegawai penyiasat dikemukakan di mahkamah sebagai

keterangan. Seksyen 32(2) menghadkan pemakaian Seksyen 32(i) dan 32 (j) kepada perbicaraan jenayah kerana keterangan yang terlibat di sini adalah berasal dari siasatan dalam kes-kes jenayah.

Seksyen 60(3). Dengan penggunaan peralatan moden dan sofistikated oleh jabatan dan agensi penyiasatan dan penguatkuasaan, seperti penggunaan senapang radar untuk menentukan had laju sesebuah kereta, di dapati perlu diadakan peruntukan untuk membolehkan keterangan hasil penggunaan alat-alat ini boleh dikemukakan di mahkamah. Pindaan ini adalah selaras dengan perkembangan 'common law' di England yang telah mengklasifikasikan keterangan dokumentar seperti ini sebagai, 'real evidence', dengan izin, dan boleh dikemukakan di mahkamah.

Seksyen 62, Huraian 3. Peruntukan ini adalah untuk membolehkan dokumen yang dihasilkan oleh komputer dikemukakan sebagai keterangan primer (primary evidence).

Seksyen 63(e). Dengan pindaan kepada definisi "dokumen", sesuatu dokumen sekarang ini bukanlah lagi semestinya sesuatu yang boleh dibaca semata-mata. Sebuah pita audio juga merupakan sebuah dokumen yang hanya boleh didengar dan dokumen 'Brail' dibaca dengan tangan. Justeru itu, seksyen 63(e) sekarang yang menghadkan keterangan sekunder ataupun secondary evidence, kepada keterangan lisan seseorang terhadap kandungan dokumen yang pernah melihat dokumen itu, tidak lagi sesuai memandangkan perkembangan teknologi dewasa kini dan dengan itu perlu dipinda seperti yang dicadangkan.

Seksyen 78A baru. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperluaskan pemakaian seksyen 90A, 90B dan 90C yang baru kepada rekod-rekod

awam yang diproseskan dengan menggunakan komputer.

Seksyen-seksyen baru 90A, 90B dan 90G. Berikutan dengan perkembangan teknologi komputer, berbagai perkara sekarang adalah dikendalikan oleh komputer. Penggunaan komputer masa kini amat meluas termasuk dalam badan-badan Kerajaan. Peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan yang dihasilkan oleh komputer buat masa ini kurang jelas. Kebanyakan negara-negara maju seperti United Kingdom, Australia, Hong Kong dan Singapura telah memperuntukkan di dalam Akta yang berkaitan masing-masing untuk kebolehterimaan keterangan yang dihasilkan oleh komputer. Oleh **itu**, selaras dengan tindakan negara-negara tersebut dan perkembangan masa, seksyen baru 90A, 90B dan 90C telah dicadangkan.

Dengan peruntukan-peruntukan baru **ini**, keterangan yang dihasilkan oleh komputer boleh diterima oleh mahkamah tanpa keperluan untuk memanggil orang yang memasukkan maklumat-maklumat di dalam komputer itu sebagai saksi. Objektif peruntukan tersebut ialah untuk mengatasi masalah mengesan saksi-saksi tersebut.

Kesahihan sesuatu dokumen yang dihasilkan oleh komputer hanya perlu dibuktikan melalui **sijil** yang dikeluarkan oleh orang yang bertanggungjawab menyelia komputer itu. Demi menjaga kepentingan seseorang tertuduh, seksyen-seksyen baru ini memberikan budi-bicara kepada mahkamah untuk menilai keterangan komputer yang dimasukkan oleh pihak pendakwa di mana, dengan izin, *weight of evidence*, diserahkan kepada budi-bicara mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

**Tuan Muatapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya membuka Majlis untuk perbahasan bagi beberapa saat lagi. **[Tiada Perbahasan]**

Tidak ada perbahasan. Jadi, Menteri tidak perlu rnenjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-~~LAMBAKAN~~**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.58 ptg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Heng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bernama Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dibacakan bagi kali yang kedua **ini**. Tujuan Kerajaan menyediakan undang-undang ini adalah untuk melindungi industri-industri tempatan dari amalan perdagangan yang tidak adil daripada pengeluar-pengeluar asing yang menerima subsidi bagi pengeluaran barangan atau subsidi eksport, serta dari pengeluar-pengeluar asing yang melambakkan keluaran mereka dengan menjual pada harga yang rendah dari harga pasaran atau kos pengeluaran.

Tindakan pengeluar-pengeluar asing itu adalah didorong oleh keadaan kadar duti import yang rendah di Malaysia berikutan dengan tindakan Kerajaan untuk menurunkan kadar duti bagi sesetengah barang tertentu semenjak beberapa tahun yang lalu.

Sejajar dengan komitmen Kerajaan kepada Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan atau GATT, Malaysia sedang berusaha untuk mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan sama ada berbentuk tarif atau bukan tarif.

Dalam masa yang sama, Malaysia perlu membuka pasarannya kepada negara-negara ASEAN untuk menjayakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau AFTA. Kerajaan berpendapat bahawa bagi menjayakan Program Liberalisasi Pasaran, Malaysia perlu mempunyai mekanisme yang lengkap untuk melindungi industri tempatan daripada amalan perdagangan tidak adil yang memudaratkan industri tempatan.

Walaupun Malaysia mempunyai undang-undang, dengan izin, Customs (Dumping and Subsidies) Act, 1959 (Revised) 1988, undang-undang tersebut tidak dapat dikuatkuasakan kerana peruntukan yang ada memerlukan perubahan-perubahan besar sebelum ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, sebahagian daripada peruntukan di bawahnya tidak sejajar dengan perubahan-perubahan yang berlaku kepada kod-kod GATT mengenai subsidi dan lambakan. Oleh itu, adalah lebih sesuai jika satu Rang Undang-undang baru digubal bagi menggantikan undang-undang yang sedia ada.

Kerajaan telah menerima petisyen dari pengusaha-pengusaha tempatan yang mendakwa amalan lambakan oleh pengeluar-pengeluar dari negara-negara maju dan juga pengeluar-pengeluar dari negara-negara sedang membangun bagi barangan paip, tanah liat dan bahan-bahan kertas. Walaupun terdapat dakwaan-dakwaan itu, pada masa ini Kerajaan tidak dapat menentukan secara objektif hubung-kait atau, dengan izin, causal link di antara amalan lambakan dengan kemudaran atau injury ke atas industri tempatan.

Ini adalah kerana Undang-undang Anti-Lambakan yang sedia ada adalah tidak lengkap untuk membuat penentuan tersebut, Setakat ini, tidak ada tindakan dalam bentuk Duti Anti-Lambakan yang pernah diambil oleh Kerajaan ke atas pengusaha-pengusaha asing.

Tuan Yang di-Pertua, GATT membenarkan penggunaan Duti Timbal Balas atau Duti Lambakan sebagai langkah untuk menjaga kepentingan industri tempatan dari kesan amalan lambakan dan penggunaan subsidi yang menyebabkan kemudaran kepada industri tersebut. Kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Ekonomi Eropah, Australia dan New Zealand mempunyai Undang-undang Duti Timbal Balas dan Duti Anti-Lambakan masing-masing yang diasaskan kepada kod-kod GATT mengenai subsidi dan lambakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tunggu sekejap? Menurut Peraturan Mesyuarat yang relevan, saya dengan ini menjemput Dato' Azumu Tak untuk mempengerusikan Majlis. Dipersilakan.

[Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak mempengerusikan Mesyuarat]

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung.

**Dato' Azumu bin Tak:** Sila.

**Tuan Chua Jui Meng:** Di kalangan negara-negara membangun pula, Brazil, Mexico, Columbia dan Republik Korea didapati turut menggunakan undang-undang tersebut. Sesetengah negara ASEAN juga sedang menimbang untuk mengadakan undang-undang mereka. Perkembangan ini adalah didorong oleh tindakan negara-negara anggota GATT untuk melonggarkan sekatan ke atas perdagangan luar terutamanya halangan tarif.

Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan yang dicadangkan ini akan ditadbirkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Walau bagaimanapun, undang-undang ini mempunyai hubung-kait dengan Akta Kastam 1967 yang ditadbirkan oleh Kementerian Kewangan di mana Duti Timbal Balas dan Duti Lambakan yang akan dikenakan adalah merupakan Duti Kastam yang hanya boleh dikutip melalui Perintah atau Notis Kastam di bawah Akta Kastam 1967 itu.

Kementerian Kewangan sedang mengambil tindakan untuk memindah peruntukan yang bersesuaian dalam Akta Kastam 1967 bagi membolehkan pegawai-pegawai Jabatan Kastam memungut duti-duti berkenaan secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua Bahagian I Rang Undang-undang ini meraperkatakan perkara-perkara berkaitan dengan mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan serta penakrifan istilah-istilah yang

digunakan. Bahagian II dan III pula, masing-masing memperkatakan tindakan-tindakan yang perlu diambil berkenaan dengan penggunaan subsidi dalam pembuatan barangan yang diimport ke Malaysia dan lambakan barangan di pasaran tempatan, Tindakan-tindakan sedemikian termasuklah permulaan penyiasatan mengenai amalan lambakan dan pensubsidian, kemudaran kepada industri tempatan berasaskan kepada petisyen yang dikemukakan setiap penentuan awal dan penentuan muktamad mengenai penyiasatan tersebut.

Bahagian ini juga memperkatakan peruntukan bagi hal-hal di mana penggantungan penyiasatan dibenarkan, kajian semula pentadbiran dan perkara-perkara yang boleh dirayu kepada Tribunal. Satu Tribunal bebas akan ditubuhkan dan akan bersidang sekiranya terdapat rayuan di peringkat penentuan muktamad dan penentuan penyemakan pentadbiran. Walau bagaimanapun, rayuan hanya akan dipertimbangkan sama ada keputusan di buat berasaskan kepada undang-undang dan peraturan atau tidak. Tribunal bebas ini terdiri daripada tiga orang ahli yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tempoh keahlian mereka yang dilantik adalah selama tiga tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV Rang Undang-undang ini memperkatakan perkara-perkara pentadbiran. Di antara lainnya mengenai peruntukan khas bagi zon bebas dan supaya Akta ini ditafsirkan bersekali dengan Akta Kastam 1967.

Bahagian V pula memperkatakan peruntukan-peruntukan am dan prinsip-prinsip yang diterimapakai seperti perkara-perkara berkaitan dengan penyataan palsu, perlindungan maklumat rahsia dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta yang dicadangkan.

Bagi merabolehkan Undang-undang Anti Lambakan dan Duti Timbal Balas dikuatkuasakan, ia akan dilengkapi dengan peraturan dan panduan dalaman. Peraturan dan panduan tersebut mengandungi penjelasan terperinci mengenai tatacara penyiasatan, pengiraan margin subsidi dan lambakan serta tempoh masa bagi tiap peringkat penyiasatan.

Peraturan dan panduan dalaman tersebut sedang disediakan dan akan dilengkapi sebelum Akta ini dikuatkuasakan. Ia juga berfungsi sebagai panduan kepada kakitangan awam yang bertanggungjawab melaksanakan undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan bukanlah bertujuan sebagai alat untuk mengenakan tindakbalas dalam perdagangan dengan negara-negara lain atau bertujuan memberi perlindungan ke atas industri tempatan yang tidak cekap.

Langkah-langkah yang diambil menurut Undang-undang Anti-Lambakan perlu mengikuti peraturan-peraturan antarabangsa yang telah ditetapkan. Pentafsiran yang jelas terhadap amalan subsidi dan lambakan serta peraturan yang terperinci yang perlu diambil sebelum syarikat-syarikat asing boleh didakwa menggunakan subsidi atau melakukan lambakan memastikan bahawa syarikat dan pengeluar-pengeluar tempatan tidak boleh mengemukakan petisyen dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang ini kelak Kerajaan boleh mengenakan duti tambahan yang setimpal dengan subsidi atau margin lambakan.

Duti Timbalbalas atau Duti Lambakan akan dikenakan dari negara bertempatnya syarikat-syarikat yang menggunakan subsidi atau melakukan lambakan sahaja dan tidak dikenakan ke atas import barangan tersebut dari negara-negara lain. Dengan cara **ini**, Kerajaan akan dapat meneruskan langkah-langkah untuk mewujudkan rejim import yang lebih liberal bagi membantu mewujudkan industri tempatan yang lebih cekap dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Saya mohon menyokong.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyiasaan dan penentuan subsidi yang diberikan pada, dan lambakan, dagangan yang diimport ke dalam Malaysia, pengenaan duti timbal balas dan anti Lambakan untuk mengimbangi subsidi atau lambakan **itu**, dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Haji Mohamed Nazri, silakan.

**4.11 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang **ini**. Cuma untuk sedikit sebanyak menjelaskan lagi kepada saya tentang peranan Rang Undang-undang ini; bolehkah selepas ini sebagai jawapan kepada apa yang saya cakapkan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi



sedikit contoh kepada Ahli Dewan di sini tentang apakah jenis barangan yang agaknya Kerajaan terpaksa menaikkan duti sekiranya ada subsidi daripada kerajaan asal daripada mana barangan itu datang? Sebab, kalau Ahli- Dewan di sini tidak mendapat tahu jenis barangan seperti manakah yang kemungkinan terpaksa diadakan Rang Undang-undang ini maka sukar bagi diri saya, untuk cuba memahami tentang keperluan Rang Undang-undang ini.

Sebagai contoh, katakanlah kalau barangan yang dimaksudkan adalah barang merchandise yang merupakan keperluan biasa pengguna-pengguna di dalam negara kita. Jadi, kepada saya, kalau sekiranya ada Akta ini dan Kerajaan menaikkan duti kepada barangan penggunaan biasa oleh pengguna-pengguna dalam negara ini, maka saya merasa itu tidak adil. Sebab sudah tentulah Rang Undang-undang ini diwujudkan kerana, daripada saya lihat apa yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, bahawa mereka response kepada petisyen yang dibuat oleh mereka yang menjadi pengeluar kepada industri-industri yang hendak dikawal oleh Kerajaan.

Maksud saya di sini, kalau sekiranya barang-barang itu merupakan barang-barang penggunaan biasa yang digunakan oleh pengguna-pengguna, kepada saya, di antara kepentingan pengguna dengan kepentingan pembuat barang itu, yang mana satukah Kerajaan hendak utamakan? Kepada saya, kalau satu barang yang mendapat subsidi daripada Kerajaan, daripada mana barang itu datang, maka apabila ia dilambakkan ke dalam negara kita, maka harga barang itu murah, tetapi itu menguntungkan pengguna. Jadi, kalau sekiranya dalam negara kita juga ada syarikat yang membuat perkara itu dan Kerajaan

hendak mengawal harga atau kepentingan barang itu, maka Kerajaan terpaksa menaikkan duti. Maka ini bermakna bahawa Kerajaan menjaga kepentingan syarikat yang membuat barang itu lebih daripada kepentingan pengguna yang mungkin mendapat faedah daripada lambakan barang itu yang merupakan barang yang murah untuk kita beli dalam negara kita.

Jadi, soalan saya di sini ialah, di antara kepentingan pengguna yang akan mendapat faedah daripada harga murah disabitkan oleh kerana lambakan dibuat dalam negara kita, dengan kepentingan hendak mengawal industri supaya pembuat-pembuat ini dapat mempertahankan harga mereka dalam penjualan barang di negara kita, mana lebih penting; kepentingan pembuat-pembuat ataupun kepentingan pengguna-pengguna yang menggunakan barangan yang merupakan barang lambakan dimasukkan dalam negara kita?

Jadi, itu sahaja yang saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**4.15 ptg**

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri yang merupakan senator yang tunggal yang telah membahaskan Akta ini. Ini tidak ganjil kerana ini satu Rang Undang-undang yang begitu teknikal dan sebagai seorang bekas peguam, saya pun sukar untuk memahami keseluruhan kandungan di dalam Rang Undang-undang ini.

**Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri** telah mengemukakan dua soalan yang perlu saya jawab pada petang ini. Yang pertama, apakah barang-barangan yang dimaksudkan untuk dikenakan duti timbal balas atau duti anti lambakan kelak. Sukalah saya katakan di sini, kita tidak ada satu list atau satu hit list, itu kita tidak ada. Akta ini akan merangkumi semua subjek dagangan iaitu maksud saya semua dagangan mercantile, atau "mercantil goods" akan termasuk di dalam bidangkuasa Rang Undang-undang ini.

Mengenai kepentingan consumers dengan kepentingan pembuat-pembuat, itulah satu soalan yang baik yang perlu dijawab di Dewan ini untuk makluman orang ramai. Maksud Kementerian kita (MITI) untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini dan bukan untuk melindungi pembuat-pembuat yang tidak cekap dalam negara kita. Kita tidak bermaksud untuk mengenakan duti atau penalti ke atas pengeluar-pengeluar daripada luar negeri yang cekap dalam operasi mereka. Mungkin oleh kerana dia cekap dalam proses mengawal production, mengawal kos pekerja dan mengawal kos pentadbiran dan lain-lain, dia boleh mengeluarkan barangan-barangan dengan kos yang lebih rendah daripada yang kita mengeluarkan di negara kita.

Kalau keadaan adalah seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan apa-apa duti tambahan terhadap industri-industri daripada luar yang cekap dan berkesan dalam pengeluaran mereka. Dengan izin, we do not punish those who are cost-efficient. Dan dengan itu, kalau mereka di luar negara lebih cekap daripada pengeluar dalam negara kita, itulah pasaran terbuka yang kita amalkan pada hari

**ini.** This is the market-economy, dengan izin, yang diamalkan oleh Malaysia ini. Tetapi kalau pengeluar-pengeluar daripada luar negara mengeluarkan dengan satu kos - kita katakan - sebagai contoh mungkin kosnya RM 100 untuk mengeluarkan item **itu**, tetapi dia menjual kepada pasaran Malaysia dengan kos RM50 sahaja. Itulah menimbulkan *prima facie case*. Kita boleh straightaway kita mengesyaki amalan mereka atau hasrat mereka iaitu untuk membanjirkan pasaran kita dengan barangan-barangan pada kos yang lebih rendah daripada kos pengeluarannya. Itu jelas. Pada kes-kes **itu**, kita akan mengenakan duti anti-lambakan, iaitu kita ambil kosnya dan kita kenakan duti. Umpamanya, kalau harga jualannya RM50 dan kosnya RM 10 kita tambah lagi freight cost, kita tambah lagi satu margin of profit (keuntungan) yang munasabah; dan kalau kita himpunkan semua **itu**, ia jadi RM120.

Kita dikenakan RM70.00. Itu perbezaan antara RM120.00 dan kos yang dilambakkan di Malaysia ini iaitu RM50.00. Kita dikenakan duti timbal balas sebanyak RM70.00. Oleh kerana kita hendak menjaga kepentingan pengeluar di negara kita juga, iaitu kalau "playing field" itu tidak even dan kalau harga dia tidak munasabah dan tidak adil, ini merupakan persaingan (competition) yang tidak sihat. Ini akan memudaratkan industri negara kita.

Mungkin menguntungkan pada suatu penggal yang pendek (short-terra benefit) kepada consumers sahaja. Oleh kerana dia menambahkan kos yang begitu rendah, tetapi pada suatu hari kelak, industri kita tutup. Dia tidak boleh bersaing lagi dalam pasaran kita oleh kerana persaingan yang tidak sihat oleh pengeluar-pengeluar luar. Dengan itu kita tutup. Bila kita sudah tutup, kita sudah muflis dalam negara kita sendiri, selepas itu, pengeluar-pengeluar luar menaikkan harga sehingga RM200.00. Itulah amalan-amalan canggih yang diamalkan oleh pengeluar-pengeluar di beberapa negara tertentu di dunia **ini**. Kita hendak menimbangkan antara kepentingan consumers kita dengan kepentingan pengeluar-pengeluar tempatan.

Tetapi saya hendak menjelaskan lagi bahawa maksud Akta ini bukan untuk mengenakan penalti terhadap pengeluar-pengeluar yang berkesan dan kita tidak bercadang untuk melindungi pengeluar-

pengeluar daripada Malaysia yang tidak boleh bersaing dengan pengeluar-pengeluar daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat diberikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator **itu**. Dengan **itu**, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui..

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Dato' Azumu bin Tak** mengengeruakan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 51** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.26ptg.**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat**

[**Dato' Alexander Yu Lung Lee**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 dibacakan kali yang kedua. Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 ialah bertujuan

untuk menjamin satu standard minima perkhidmatan yang disediakan di pusat-pusat jagaan agar kepentingan kebajikan dan kesejahteraan penghuni-penghuni terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sedia maklum bahawa pihak Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menyediakan berbagai perkhidmatan kebajikan masyarakat untuk menampung keperluan golongan yang kurang bernasib baik, khasnya mereka yang cacat, orang-orang tua yang melarat, kanak-kanak yang terbiar, remaja yang terdedah kepada kerosakan akhlak dan juga kalangan keluarga yang ditimpa berbagai masalah sosial.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ada yang berbentuk bantuan kewangan, bantuan modal pelancaran, bantuan alat-alat tiruan, kaunseling dan juga perkhidmatan jagaan dan perlindungan di institusi. Pada masa **ini**, pihak Kerajaan telah menyediakan sebanyak 47 buah institusi yang boleh menampung seramai 6,742 penghuni yang terdiri dari golongan kanak-kanak, remaja, keluarga tua dan orang-orang cacat. Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan, pihak Kementerian sentiasa menggalakkan perkhidmatan masyarakat-melalui pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela untuk mengadakan perkhidmatan dan kemudahan yang serupa untuk menampung keperluan-keperluan sasaran yang kian meningkat.

Dalam hubungan ini, penglibatan pertubuhan sukarela amatlah menggalakkan dan terdapat berbagai institusi jagaan dan latihan telah diwujudkan selaras dengaa hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Selain dari itu, sejak akhir-akhir ini terdapat juga orang-orang perseorangan dan kalangan swasta yang telah menunjukkan minat telah mengendalikan perkhidmatan seumpama ini, terutama sekali di kalangan golongan sasaran yang berkeupayaan dan mereka beroperasi secara komersil. Fenomena ini amatlah menggalakkan kerana ianya selaras dengaa hasrat Kerajaan untuk melibatkan pihak swasta di dalam memikul tanggungjawab bersama tentang kebajikan ahl-ahli masyarakatnya.

Walau bagaimanapun, adalah wajar bagi Kerajaan di samping menggalakkan penglibatan pertubuhan sukarela dan swasta, satu mutu kawalan jagaan disediakan bagi menjamin agar pengguna-pengguna perkhidmatan mendapat jagaan dan perlindungan sempurna, terutama sekali dari segi penakanan, tempat tinggal, rawatan kesihatan dan aktiviti harian semasa berada di pusat-pusat jagaan tersebut. Pada masa ini, terdapat 328 buah pertubuhan kebajikan yang memberi perkhidmatan khusus kepada golongan sasaran seperti kanak-kanak, remaja, cacat dan orang tua. Dari bilangan tersebut, sebanyak 102 pertubuhan adalah di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menerima geran tahunan. Dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia **ini**, ianya akan membolehkan Kerajaan meluaskan kawasannya bukan sahaja kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela tetapi kepada pusat-pusat jagaan swasta.



Pada masa ini tidak terdapat satu undang-undang yang khusus untuk mengawal penubuhan dan pentadbiran pusat-pusat jagaan seperti **ini**. Adalah dirasai masanya sudah tiba supaya satu panduan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 merupakan satu usaha untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih baik dan rapi bagi membolehkan pihak Kerajaan memastikan mereka yakni golongan tertentu yang memerlukan jagaan, perlindungan dan latihan di pusat-pusat jagaan di negara ini, menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sepatutnya serta kawalan yang lebih sistematik terhadap penubuhan dan penyelenggaraan pusat pusat jagaan tersebut.

Rang Undang-undang ini mengandungi sebanyak empat Bahagian dan 24 Fasal. Izinkan saya menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting.

Pasal 2, bertujuan memberi definisi yang lebih jelas dan cepat. Di antara lain "pusat jagaan berkediaman" ditakrifkan sebagai mana-mana premis di mana empat orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan sebagai penghuni-penghuni di dalamnya.

"Pusat jagaan harian", ditakrifkan sebagai premis di mana empat orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan bagi satu tempoh yang lebih tiga jam sehari di antara terbit matahari hingga matahari terbenam dan beroperasi selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu.

Fasal 3, menyatakan tempat-tempat yang baginya Rang Undang-uundang Ini tidak terpakai seperti:-

- "3 (a) mana-mana hospital Karajaan, atau mana-mana hospital persendirian yang dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971;
- (b) mana-mana institusi atau premis yang tertakluk kepada kawalan di bawah, dan ditubuhkan, didaftarkan, dikendalikan, atau diuruskan dengan sahnya di bawah Akta Pendidikan 1961;
- (c) mana-mana taman asuhan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984;
- (d) mana-mana institusi atau premis bagi rawatan, pemulihan, atau jagaan lanjutan penagih-penagih dadah, yang ditubuhkan atau dikendalikan dengan sahnya di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (e) mana-mana institusi atau premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri; atau
- (f) mana-mana institusi atau premis yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri bagi perumahan atau jagaan sementara orang-orang apabila berlaku apa-apa kejadian yang menimbulkan darurat, atau demi kepentingan keselamatan awam."

Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mengawal penubuhan pusat-pusat jagaan, maka diwujudkan Fasal 4, mewajibkan pendaftaran pusat-pusat jagaan.

Fasal 5, bertujuan melarang penyelenggaraan pusat-pusat jagaan tidak berdaftar. Walau bagaimanapun, memberi kelonggaran tempoh dalam masa enam bulan kepada pusat pusat jagaan yang sedia ada untuk mendaftar.

Di samping itu Pasal 7, memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan syarat-syarat apabila mendaftar sesuatu pusat jagaan bagi menentukan piawaian minimum dipatuhi; untuk

melindung kepentingan dan kebajikan penghuni dan orang yang diterima untuk jagaan.

Fasal 7, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan deposit jaminan di mana quantumnya ditetapkan oleh Ketua Pengarah bagi tujuan melindungi dan menjamin kesejahteraan penghuni terpelihara.

Fasal 15, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memerintah rnenutup sesuatu pusat jagaan berdaftar yang gagal mematuhi arahan atau kemungkinan menimbulkan bahaya kepada mana-mana orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa beberapa peruntukan yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 seperti kewajipan mendaftar; mengenakan syarat-syarat bagi pendaftaran termasuk pembayaran deposit jaminan akan menyekat perkembangan peranan masyarakat di dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengingatkan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut telah diteliti dengan halusny oleh Kerajaan-Kerajaan berpendapat sudah sampai masanya peruntukan tarsebut perlu diadakan bagi memastikan kebajikan dan kepentingan rnereka yang memerlukan perkhidmatan ini tarjamin. Kasejahteraan penghuni dan orang yang diterima untuk jagaan serta mutu perkhidmatan yang diberikan di pusat-pusat jagaan perlu diutamakan.

Kerajaan sedar dan berterima kasih di atas sokongan individu, masyarakat dan badan korporat dalam menyediakan berbagai perkhidmatan berkaitan dengan penubuhan dan penyelenggaraan pusat-pusat jagaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh keyakinan dengan, adanya Rang Undang-undang ini akan dapat mempertingkatkan lagi usaha Kerajaan menggalakkan masyarakat memainkan peranan ke arah mewujudkan masyarakat penyayang yang mengamalkan budaya ikram. Butir-butir yang lebih lanjut mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 boleh didapati dalam huraian Rang Undang-undang tarsebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Haji Mohamed Nazri.

**4.37 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Hazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah menyediakan Rang Undang-undang ini yang jelas menunjukkan bahawa ada kesungguhan di pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa golongan yang kurang bernasib baik ini dapat dibelakan.

Di dalam penghuraian dan penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi iaitu falsafah ataupun rasional di sebalik kita mengadakan Rang Undang-undang yang baik bagi tujuan untuk menjaga pusat jagaan ini, rasionalnya ialah kerana untuk mewujudkan satu masyarakat yang penyayang.

Saya tidak menafikan keikhlasan Kerajaan untuk mengadakan Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 ini dengan tujuan untuk mewujudkan satu masyarakat dan menggalakkan masyarakat yang penyayang. Tetapi sebenarnya ia merupakan dengan izin, irony. Ironynya ialah, oleh kerana kita mempunyai pusat jagaan bermakna iaitu bahawa walaupun daripada satu aspek kita lihat ianya boleh menggalakkan pengwujudan satu masyarakat yang penyayang, tetapi sebenarnya ia boleh berlaku di sebaliknya. Kerana, apabila ada satu pusat jagaan yang begitu baik, yang begitu kemas, maka apa yang mungkin boleh berlaku ialah akan ada kemiripan di kalangan keluarga-keluarga sekarang ini untuk tidak mahu menjaga ibu bapa mereka. Maka dengan begitu mudah akan menghantar ibu bapa mereka ke pusat jagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak ucapan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita, beliau banyak menekankan betapa perlunya iaitu bahawa extended family yang merupakan satu budaya di kalangan masyarakat timur kita ini, harus dipertahankan dan dikekalkan. Kita tidak mahu masyarakat kita menjadi satu masyarakat yang wujud seperti di negara-negara barat yang mana sampai ketikanya, di sana semua ibu bapa atau orang tua yang telah sampai kepada umur yang agak boleh dipencenkan, atau yang lebih daripada 55 tahun adalah dianggapkan Old Age Pensioners (OAP)'

Bermakna di negara Barat sudah menjadi satu amalan bahawa anak-anak akan menghantar ibu bapa mereka yang telah tua untuk masuk ke Old Folks Home dan ini merupakan satu amalan yang berlaku berleluasa di negara Barat. Oleh kerana itu merupakan satu amalan yang biasa, maka sudah tentulah Old Folks Home yang ada di negara-negara Barat itu merupakan tempat-tempat yang memang selesa untuk diduduki oleh orang-orang tua ini. Ini ialah kerana amalan mereka, memanglah bila sudah tua, dia hantarliah. Jadi, di sana tidak ada extended family dan tidak digalak pun extended family. Memang menjadi kelaziman dan kebiasaan bagi orang-orang di sebelah Barat sana, memang kalau sudah sampai umur dia 21 tahun, dia mahu keluar, dia tidak mahu ada kena-mengena lagi dengan ibu bapanya. Apatah lagi kalau ibu bapanya sampai ke umur 50 tahun ke atas, dia sudah tidak mahu lagi bertanggungjawab untuk menjaga ibu bapanya.

Maka, di sinilah yang saya sebut "irony", iaitu dalam kita hendak menggalakkan satu masyarakat yang penyayang, tetapi dalam masa yang sama kalau rumah/pusat jagaan. ini terlalu senang dan mudah untuk didaftarkan, apa yang akan berlaku ialah bahawa lebih banyak rumah ini ada dan lebih ramailah lagi keluarga-keluarga yang tidak mahu menjaga ibu bapa mereka, akan menghantar ibu bapa mereka ke Rumah-rumah Orang-orang Tua ini. Ini kalaulah diberitahu kepada umum bahawa Rumah-rumah Orang Tua ini wujud dengan keadaan yang baik, maka kebimbangan saya ialah apa yang akan berlaku bahawa bukan kita akan menggalakan masyarakat yang penyayang, malah kita akan

menggalak lebih ramai orang-orang muda, akan menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua ini.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam Islam sendiri pun ada menyatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"Wabilwalli daini ehsana"

"Dengan ibu bapa mu hendaklah kamu berbuat baik."

Dengan erti kata, hendaklah memelihara dan menjaga mereka apabila mereka dalam keuzuran dan tua. Apakah Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sedar dan dapat mendetailkan sedikit lagi penjelasan mengenai betapa mustahaknya anak-anak menyintai ibu bapa dan tidak menggalakkan meletak ibu bapa mereka di rumah-rumah penjagaan orang tua?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sedar tentang perkara ini, oleh kerana itulah saya amat bimbang dan takut kalau sekiranya rumah orang tua ini dijadikan sebagai satu perkara yang sudah biasa, Maka apa yang akan berlaku ialah ia akan menghakis perasaan di kalangan anak-anak untuk menyayangi ibu bapa mereka itu, akan lama ia akan terhakis dan akhirnya kita akan melihat bahawa akan wujud satu masyarakat yang seperti juga masyarakat di Barat yang mana masyarakat di sini dengan kesibukan kerjanya, dengan masing-masing tidak ada masa lagi untuk menjaga ibu bapa mereka, maka dengan sewenang-wenangnyalah mereka akan menghantar ibu, bapa mereka ke tempat-tempat seperti ini. Sebab itu saya, minta kepada pihak Kementerian supaya mesti ada perimbangan, iaitu jangan sampai masyarakat yang ada dalam negara kita ini akan mempunyai sikap

seperti orang di Barat sana, sampai ketika hantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua.

Di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut kepada saya bahawa sudah ada 37 rumah/pusat jagaan. Daripada penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, untuk mendaftarkan satu tempat sebagai satu pusat jagaan begitu mudah sekali. Ada 4 penghuni, maka cukup untuk didaftarkan sebagai satu tempat yang mana ia boleh dijadikan sebagai pusat jagaan. Kemungkinan bila kita daftarkan, maka Kerajaan akan beri wang untuk membiayai rumah **ini**. Jadi, amat mudah kepada saya. Ibu bapa saya pun kedua-duanya telah meninggal dunia. Katalah sebagai contoh, ibu bapa saya ada, saya panggil kawan saya seorang lagi, saya kata, "**ibu bapa you ada dua dan ibu bapa I ada dua, jadi 4 orang, kita letak di rumah, kita daftar sebagai pusat jagaan/rumah orang tua**". Cukup mudah, 4 orang sahaja.

Jadi, di sini saya merasakan bahawa pihak Kerajaan harus memikirkan juga iaitu dalam usaha Kerajaan mahu mewujudkan satu masyarakat penyayang, dengan mengadakan satu Akta yang menjaga hal ehwal berkenaan dengan pusat jagaan ini, jangan sampai ianya boleh menyebabkan masyarakat kita menjadi bukan lagi masyarakat penyayang, tetapi masyarakat yang mudah menghantar ibu bapa mereka ke rumah, pusat jagaan.

Saya mahu Kerajaan memikirkan perkara ini, kerana dalam masyarakat ketimuran kita, extended family adalah satu perkara yang penting dan menghantar ibu bapa ke Old Folks Home adalah satu perkara yang dengan izin, 'alien' kepada kita. Apa niat Kementerian ini jangan sampai kepada tahap yang mana Old Folks



Home ini ataupun Rumah Orang Cacat, ada adik-adik kita yang cacat pun kita hantar ke sana. Saya ada seorang kakak yang cacat yang saya bela sampai sekarang. Tidak sanggup untuk saya hantar ke Rumah Orang Cacat. Tetapi kalau nampaknya Rumah Orang Cacat itu banyak, berleluasa dan sudah menjadi biasa, mungkin saya menghantar kakak saya. **Ini**, kebimbangan saya. Jadi, jangan sampai kita menjadi sepertimana yang berlaku di negara Barat yang mana adik beradik cacat, ibu bapa kita, cukup mudah kita hantar ke rumah/pusat jagaan **ini**.

Yang kedua dan terakhir, memang baik bagi kita mesti menjaga mereka yang malang, yang betul-betul tidak ada keluarga dan mereka terpaksa duduk di dalam rumah-rumah/pusat jagaan **ini**. Memang baik diadakan Rang Undang-undang ini untuk menjaga kebajikan mereka dan mengawal pentadbiran rumah-rumah/pusat jagaan ini.

Saya minta kepada Kerajaan yang saya lihat di dalam Rang Undang-undang ini tidak diwujudkan satu Akta berkenaan dengan inspectorate, Saya rasa inspectorate ini penting. Kalau kita sudah mempunyai 87 pusat jagaan dan sudah tentu ia tidak akan berkurangan, tetapi akan bertambah, maka mesti ada inspectorate. Kita mahu supaya tiap-tiap rumah ini dihantar untuk dinazirkan, dilihat, ditengok dan adakan lawatan mengejut supaya semasa melawat, kita melihat bahawa tidak berlaku di mana seperti yang berlaku di Ipoh, yang mana orang-orang tua telah minum air beracun yang menyebabkan kematian yang begitu banyak. Ini yang berlaku di Ipoh, kalau tidak silap saya, lebih daripada 10 orang meninggal dunia. Jadi, ini apa akibatnya? Ini akibat daripada apa? Akibat daripada tidak ada

sistem inspectorate yang mana orang kita pergi melihat dan menengok keadaan kedudukan rumah-rumah/pusat jagaan ini.

Sebab itu, saya merasakan bahawa mesti ada sistem inspectorate. Kita mesti buat lawatan mengejut untuk melihat keadaannya. Sebab kita tahulah, kita tidak mahu pusat jagaan ini macam satu tempat seperti disebutkan tadi - Akta Anti-Lambakan - jangan pusat jagaan ini menjadi tempat kita lambakkan. orang-orang tua yang kita tidak mahu ini dan kita letak aia di situ, dan kita tidak ambil tahu Langsung tentang apa yang berlaku kepada mereka. Saya tidak mahu berlaku lambakan orang-orang tua dan orang-orang cacat inipun berlaku di dalam masyarakat kita. Sebab **itu**, sistem inspectorate yang mana harus ada lawatan kepada tempat-tempat pusat jagaan yang pada ketika ini ada 87, dan saya percaya akan bertambah. Jadi, mesti ada sistem yang betul supaya dapat Lawatan dibuat untuk melihat tentang suasana yang ada di tempat-tempat ini.

Maka dengan pandangan **itu**, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan aaya menyokong Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992 ini. Terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Sila.

**4.49 ptg.**

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri yang memberi pandangan dan juga sokongan terhadap Rang Undang-undang ini.

Saya bagi pihak Kementerian boleh menjaminkan bahawa tujuan Rang Undang-undang ini tidak mengakibatkan bahawa sikap warganegara kita atau penduduk-penduduk di Malaysia ini akan bertukar kepada

sikap masyarakat Barat, di mana dengan senangnya kita hantar ibu bapa kita ke Rumah-rumah Orang Tua atau Old Folks Home. Kalau kita lihat sekarang, kurang daripada 4% penduduk-penduduk negara kita yang melebihi umur 60 tahun, dan boleh dipanggil "orang tua", atau lebih kurang 600,000 orang yang berumur lebih 60 tahun ada di negara kita. Tetapi di Rumah-rumah Orang Tua ini hanya terdapat 10,000 orang sahaja. Ini bermakna satu percentage yang kecil sahaja, yang ada sekarang di Rumah-rumah Orang Tua.

Tetapi tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengawal rumah orang-orang tua yang sekarang ini menjadi satu trend di mana rumah-rumah ini jadi komersil.

Bagi bukan keluarga-keluarga miskin atau sederhana yang menghantar ibu-bapa mereka ke rumah orang-orang tua ini, tidak ada satu Rang Undang-undang yang mengawal rumah-rumah orang tua seperti **ini**. Anggapan sesetengah pihak ini bukan sahaja menggalakkan tetapi menyenangkan banyak penubuhan rumah orang-orang tua tujuannya bukanlah **ini**. Tujuan sebenarnya ialah untuk mengawal rumah-rumah orang tua yang menjadi komersil di mana ia mengeluarkan iklan serta bermacam-macam, **tetapi** tidak mengikutinya dan ini menjamin bahawa apa yang dikatakan oleh promoters rumah-rumah orang tua ini dilakukan.

Berkenaan dengan inspectorate. Kita ada peruntukan dalam Undang-undang ini, di mana Fasal 16 yang memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah ataupun pegawai-pegawai tertentu untuk masuk dan meberikan mana-mana premis yang digunakan sebagai atau bagi suatu pusat jagaan berdaftar untuk menentukan beberapa perkara. Contohnya kesihatan, rekod-rekod, kelengkapan dan sebagainya. Oleh sebab itu kita rasa kuasa yang cukup ada diberikan kepada Ketua Pengarah untuk mengawal pusat-pusat jagaan ini.

Itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz dan saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat, yang memberi pandangan kepada kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekararig.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Dato' Azumu bin Tak mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Pasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.56 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang cadangan pindaan Akta Perikanan 1985.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalara 32 memorandum yang diterima oleh Kementerian Pertanian, cadangan-cadangan pindaan yang difikirkan positif telah dirangka dan dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 1985. 20 daripada 62 Seksyen telah dipinda, pindaan-pindaan adalah berdasarkan kepada beberapa prinsip seperti berikut:

- (a) Pengurusan berkesan mesti wujud kerana sumber perikanan adalah sumber yang digunakan oleh semua, dengan izin, common user resource. Tiap-tiap pengusaha akan cuba memaksimumkan keuntungan diri. Jika penerokaan tidak dikawal nescaya sumber-sumber ini akan pupus dan akan mengulangi tragedi di mana nelayan menjadi susah kerana tindakan kita sendiri. Pengurusan berkesan akan menjamin kegunaan sumber secara optimum dan pemuliharaan alam sekitar.
- (b) Memastikan keadilan sosio-ekonomi untuk melindungi pihak-pihak yang tidak berada.
- (c) Undang-undang ini mestilah menjadi suatu halangan yang berkesan kepada pencerobohan dari pihak luar yang sentiasa mencuri sumber-sumber negara.
- (d) Undang-undang ini mestilah sejajar dengan Undang-undang Laut Antarabangsa (1985).

Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Yang pertama, dalam Seksyen 2 Akta dicadangkan dipinda takrif "peranti mengumpul ikan", "vesel penangkapan ikan tempatan", dan mengadakan takrif baru "peralatan menangkap ikan tradisional".

Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "peranti mengumpul ikan" ialah untuk menerangkan dengan lebih jelas pengertiannya dengan tujuan membezakan "peranti mengumpul ikan" yang dibina bagi tujuan mengumpul dan menangkap ikan dengan "peranti mengumpul ikan" yang dibina semata-mata bagi tujuan pemuliharaan sumber seperti tukun tiruan.

Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "vesel penangkapan ikan tempatan" merangkumi vesel-vesel yang mengangkut makanan ikan dalam projek ternakan ikan dalam sangkar dan apa-apa sistem kultur laut di bawah takrif itu. Dengan itu vesel-vesel itu termasuk dalam skop peruntukan-peruntukan pelesenan. Sementara pindaan yang dicadangkan kepada takrif "vesel penangkapan ikan tempatan" bertujuan memasukkan ke dalam pengertian takrif tersebut "vesel penangkapan ikan asing yang dicarter atau disubcarter, dipajak atau disubpajak oleh warga-negara asing atau badan lain yang ditubuhkan di Malaysia".

Dengan adanya pindaan **ini**, perusahaan perikanan laut dalam di negara ini akan berkembang pesat kerana rakyat Malaysia dapat mencarter, mensubcarter, mamajak dan mensubpajak mana-mana vesel asing.

**[Yang Berhormat Dato' S. Subramaniam masuk ke dalam Dewan]**

Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sudah tiba, maka saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian meneruskan ucapan ini.

**Dato' Azumu bin Tak:** Silakan, Dato' Timbalan Menteri Pertanian.

**5.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya meneruskan penjelasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Pindaan yang dicadangkan kepada takrif "pencemar" bertujuan merangkumi apa-apa bahan yang mungkin mencemarkan bukan sahaja perairan lautan tetapi juga perairan sungai. Ini adalah bertujuan untuk mengawal pembuangan sisa ke dalam perairan sungai serta perairan lautan yang boleh menjejaskan kehidupan akuatik.

Cadangan untuk mengadakan takrif baru "peralatan menangkap ikan tradisional" adalah perlu supaya kesalahan-kesalahan yang melibatkan nelayan-nelayan kecil yang mengusahakan "peralatan menangkap ikan tradisional" boleh dikompaun di bawah seksyen 31.

Tujuan meminda seksyen 8, ialah untuk menjadikannya suatu kesalahan. bagi mana-mana orang yang tidak dikeluarkan lesen kepadanya di bawah Akta **ini**, untuk mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan dengan apa juga kaedah, termasuk pengutipan apa-apa spesies ikan.

Seksyen 11 dicadang dipinda bagi mengadakan satu anggapan bahawa apa-apa bahagian peralatan menangkap ikan hendaklah ditafsirkan sebagai "peralatan menangkap ikan" yang lengkap. Pindaan ini dibuat adalah untuk memastikan nelayan-nelayan yang memotong pukut-pukat untuk mengelakkan kes dibawa ke mahkamah dan juga barang-barang kes yang tinggal seperti tali atau papan tunda boleh didakwa di mahkamah.

Pindaan kepada subseksyen (4) seksyen 13, dengan melanjutkan



tempoh rayuan kepada Menteri kepada 30 hari adalah untuk memberi tempoh masa yang panjang dan berpatutan kepada nelayan-nelayan membuat rayuan kepada Menteri.

Subseksyen (1) seksyen 14 dicadang dipinda untuk memperuntukkan bahawa tempoh sesuatu lesen itu adalah 12 bulan kalender dari tarikh ianya dikeluarkan. Di samping itu dimasukkan perenggan baru 14 (4) (aa) untuk membenarkan lesen-lesen dipindahmilik dengan kelulusan Ketua Pengarah Perikanan.

Satu seksyen baru 14A dicadang dimasukkan bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang bukan warganegara Malaysia yang dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan dalam perairan Malaysia adalah dianggap kru vesel itu.

Memandangkan bilangan warganegara asing yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan semakin bertambah, adalah wajar supaya satu peruntukan dimasukkan yang membolehkan anggapan dibuat semasa perbicaraan di mahkamah, bahawa mana-mana warganegara asing yang dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan sebagai terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan, melainkan dibukti sebaliknya. Warganegara asing diperlukan mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Perikanan sebelum melibatkan diri dalam sebarang aktiviti penangkapan ikan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 10(1)(c).

Pindaan kepada subseksyen (1) Seksyen 15, adalah untuk memudahkan aktiviti yang bercorak penyelidikan oleh vesel penangkapan ikan asing dijalankan kerana cara kelulusannya hanya tertakluk kepada arahan am Ketua Pengarah Perikanan sahaja dan

bukanlah berasaskan perjanjian dua hala di antara Kerajaan Malaysia dengan negara yang berkenaan.

Pindaan juga dicadangkan dibuat kepada subseksyen (1) seksyen 16, bagi memperuntukkan laluan di perairan Malaysia oleh vesel penangkapan ikan asing mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa berhubung dengan bahagian perairan yang dilalui. Sementara subseksyen (3) dicadangkan dipinda untuk memperluaskan kaedah-kaedah komunikasi di bawah seksyen ini untuk merangkumi juga komunikasi melalui talex dan faksimili dan untuk menetapkan bahasa yang digunakan adalah Bahasa Malaysia dan Inggeris. Ini adalah penting, memandangkan buat masa ini tiada ketetapan dibuat mengenai bahasa yang perlu digunakan dan ini menyulitkan kerja-kerja pengawalseliaan oleh pihak penguatkuasa.

Buat masa ini, pihak pendakwa menghadapi masalah untuk membuktikan di mahkamah bahawa sesebuah vesel penangkapan ikan asing yang ditahan di dalam perairan Malaysia itu adalah sebenarnya vesel penangkapan ikan asing. Dengan adanya satu subseksyen yang baru (3) di bawah seksyen 24 yang mana mengadakan suatu anggapan bahawa beban untuk membuktikan bahawa sesuatu vesel penangkapan ikan asing bukanlah vesel penangkapan ikan asing terletak pada orang yang dituduh. Peruntukan ini akan membantu pendakwaan kes-kes vesel penangkapan ikan asing.

Pindaan dicadangkan dibuat kepada seksyen 25 dengan tujuan untuk mengurangkan denda maksima yang akan dikenakan bagi apa-apa kesalahan berhubung dengan vesel penangkapan ikan tempatan kepada RM20.000, Kementerian Pertanian telah menerima banyak keluhan dan rungutan daripada nelayan tempatan khasnya nelayan-nelayan kecil

mengenai denda maksimum yang sedia ada yang dirasakan terlalu tinggi dan membebankan mereka. Ini memandangkan kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada nelayan-nelayan yang tergolong dalam kumpulan yang berpendapatan rendah. Hasil titik peluh golongan ini telah membolehkan kita semua menikmati hidangan masakan dari ikan setiap hari. Oleh yang demikian, adalah wajar denda maksimum ke atas mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini dikurangkan.

Pindaan kepada seksyen 31 adalah untuk membenarkan kompaun bagi kesalahan-kesalahan tertentu dengan syarat kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu adalah kesalahan pertama, kedua dan ketiga. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada nelayan yang mana kesalahan-kesalahan melanggar syarat lesen dibenarkan untuk kompaun sebanyak tiga kali. Kesalahan keempat akan dibawa ke mahkamah. Sementara bagi kesalahan di bawah seksyen 43, iaitu dalam kawasan Taman Laut, kompaun yang boleh dikenakan tidak kurang daripada RM 100 memandangkan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan tidak begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan juga diadakan bagi perlucutan hak hasil jualan ikan atau benda yang mudah rosak.

Seksyen 31 juga dipinda dengan membolehkan kesalahan di bawah seksyen 15(2) dikompaunkan. Seksyen 15(2) adalah berkenaan dengan pendaratan ikan oleh vesel-vesel asing tanpa permit dari Ketua Pengarah Perikanan. Denda yang ada sekarang adalah terlalu tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25. Memandangkan aktiviti pendaratan ikan juga boleh menggalakkan kegiatan ekonomi di

kalangan. penduduk-penduduk tempatan yang berkenaan, maka adalah difikirkan kurang wajar jika hukuman terhadap kesalahun ini begitu berat sekali. Dalam hubungan **ini**, satu kadar kompaun yang bersesuaian akan disediakan. Kesalahan ini tidak melibatkan ancaman ke atas sumber perikanan negara.

Bagi tujuan memperkemaskan pendakwaan sesuatu kes di mahkamah, bukti atau faktor-faktor tertentu hendaklah jelas. Oleh yang demikian, subseksyen baru (2) dimasukkan kepada seksyen 35 bagi memperuntukkan bahawa sesuatu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi ukur dan pemetaan atau mana-mana Menteri yang relevan yang menyatakan sesuatu peta, pelan atau carta telah diluluskan oleh Kerajaan, hendaklah menjadi bukti muktamad bagi sesuatu kes itu.

Seksyen 40 dipinda, bertujuan untuk memperluaskan lagi kawasan kawalan pengangkutan ikan hidup termasuk udang ke dan dari antara Semenanjung Malaysia, Labuan, Sabah dan Sarawak termasuk import dan eksportnya. Tindakan ini diambil sebagai langkah untuk melindungi kepentingan pembangunan industri akuakultur di negara **ini**.

Pada masa ini adalah didapati bahawa penyeludupan induk-induk udang masih berlaku kerana kawasan kawalan yang ditetapkan adalah terhad.

Kegiatan penyeludupan induk udang yang berleluasa boleh menjejaskan industri akuakultur tempatan yang mempunyai potensi yang besar.

Pengurusan dan penyelarasan, pembangunan Tarakan Laut dan Rezab Laut yang sempurna adalah penting untuk memastikan objektif penubuhannya tercapai. Untuk itu, seksyen 41A dan 41B dicadangkan dimasukkan ke dalam Akta. Seksyen 41A bertujuan menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Risab Laut yang akan dilantik oleh Menteri, sementara seksyen 413 bertujuan mengadakan fungsi-fungsi Majlis itu. Dalam usaha untuk menubuhkan Taman Laut, Kerajaan menghadapi berbagai masalah dan halangan dari berbagai pihak. Sungguhpun begitu, dengan adanya Majlis Penasihat ini, Kerajaan yakin ia akan dapat mengatasinya, tambah-tambah lagi apabila kerjasama dan sokongan padu dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Selain daripada dapat menikmati keindahannya dengan batu-batu karang yang cantik dan ikan-ikan yang berwarna-warni, Taman-taman Laut ini akan menjadi satu tarikan pelancongan ke negara ini, di samping memulihara sumber ikan.

Ketiadaan kuasa siasatan telah menyebabkan pegawai-pegawai perikanan tidak dapat menjalankan siasatan kes. Ini menyebabkan keterangan-keterangan daripada mereka yang ditangkap tidak dapat diambil dan melemahkan pendakwaan kes-kes perikanan di mahkamah, terutama dengan ketiadaan kenyataan yang dirakam daripada saksi atau tertuduh. Oleh kerana itu, Seksyen 47A, 47B, 47C, 47D dan 47E bertujuan membolehkan pegawai-pegawai perikanan menjalankan siasatan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan dengan merekodkan kenyataan tertuduh dan saksi-saksi berkaitan menjalankan pendakwaan, dan membolehkan permohonan mahkamah dibuat untuk melanjutkan

kan tempoh tahanan sekiranya siasatan kes tidak dapat disiapkan dalam tempoh 24 jam.

Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen (2), seksyen 50 adalah untuk membolehkan pemulangan sementara waktu vesel penangkapan ikan tempatan dan asing yang disita melalui cara pengiraan jumlah jaminannya mengikut nilai agreset vesel, dan juga untuk mengurangkan beban Kerajaan dalam penjagaan vesel-vesel tersebut. Cara penetapan yang ada sekarang adalah terlalu membebankan tuanpunya vesel berkenaan, kerana jumlah jaminan itu mengambil kira jumlah denda maksima yang sememangnya terlalu tinggi. Maka dalam kebanyakan kes vesel yang disita terpaksa dijaga oleh pihak Kerajaan dan ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini setiap sabitan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini akan menyebabkan mahkamah secara mandatori membuat perintah tambahan supaya vesel dan barang kes yang berkaitan dirampas.

Seksyen 52 dicadang dipinda untuk membolehkan perbezaan dibuat di antara kesalahan-kesalahan yang mana sabitan akan bermakna rampasan. Cadangan ini ialah, untuk memastikan hanya kesalahan-kesalahan yang dianggap berat sahaja dikenakan perintah tambahan rampasan oleh mahkamah seperti menjalankan aktiviti-aktiviti tanpa lesen. Manakala bagi kesalahan-kesalahan yang tidak serius, tidak dikenakan hukuman rampas oleh mahkamah. Selaras dengan cadangan pindaan kepada seksyen 25, denda maksima yang boleh dikenakan dikurangkan daripada RM50,000 kepada RM20,000. Kerajaan berpendapat jumlah denda mestilah selaras dengan yang diperuntukan di bawah **seksyen** seksyen 25(b) seperti yang dicadangkan.

Pengecualian adalah disyorkan diberi kepada vesel penangkapan ikan yang hendak menjalankan kajian feasibiliti ekonomi di perairan perikanan Malayaia tanpa apa-apa perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara asing. Perjanjian dua hala akan melibatkan masa yang panjang untuk dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bagi mempercepatkan pelaksanaan kajian sedemikian, dicadangkan perpindaan dibuat kepada seksyen .58 Akta ini, dengan membenarkan Ketua Pengarah Perikanan mengecualikan mana-mana vesel atau orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini bagi maksud kaji selidik ke atas kebolehlaksanaan ekonomi apa-apa aktiviti penangkapan ikan.

Pindaan adalah perlu dibuat kepada seksyen 61 dengan memasukkan perenggan baru (aj) dan (ak) untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan yang berkaitan dengan pendaftaran nelayan atau orang yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan, seperti mengeluarkan kad pendaftaran nelayan serta menyelia pendaftaran vesel penangkapan ikan tempatan. Ini adalah perlu bagi menepati kehendak semasa memandangkan perkembangan di dalam sektor perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan) 1992 dapat membantu memastikan lagi pembangunan industri perikanan di negara ini, terutama sekali dalam bidang perikanan laut dalam dan akuakultur, di samping memberi perlindungan yang sewajarnya kepada nelayan-nelayan laut pantai. Semua pindaan ini adalah bertujuan untuk memperbaiki kecekapan dalam pengurusan dan pengawalseliaan sumber perikanan negara demi pembangunan industri perikanan laut dan akuakultur.

Sumber perikanan yang merupakan sumber milik bersama perlu diurus dan dieksploitasi secara rasional. Tanpa pengurusan yang sempurna, kemungkinan besar sumber tersebut akan pupus dan ini sudah pasti akan menjejaskan bekalan ikan negara. Sehubungan dengan **ini**, sebagai sebuah negara pesisir yang telah menandatangani Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Undang-undang Laut dan juga telah mengisytiharkan Zon Ekonomi Eksklusifnya, Malaysia adalah bertanggungjawab untuk raenguruskan sumber perikanan di perairan berkenaan secara saintifik.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini juga adalah hasil daripada beberapa perbincangan dan pertemuan dengan mereka yang mempunyai kepentingan dalam industri perikanan seperti Pesatuan-persatuan Nelayan, Syarikat Kerjasama Nelayan, Persatuan Perusahaan Perikanan, Persatuan Pemborong Ikan, Syarikat Penangkapan Ikan, Persatuan Pemilik Bot, Syarikat Pemerosesan Ikan, Persatuan Peniaga Ikan, parti-parti politik dan kerajaan-kerajaan Negeri. Selain dari itu, pindaan yang dicadangkan ini juga mengambilkira memorandum-memorandum yang telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian oleh berbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan yang **ter-**dapat dalam Rang Undang-undang **ini**, saya yakin industri perikanan akan dapat membangun dengan lebih pesat dan menjadi satu industri yang mempunyai masa hadapan yang cerah. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Dato' Azumu bin Tak:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Tuan Ho Cheng Wang.

**5.18 ptg.**

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan) 1992. Saya juga mengucapkan tahniah saya kepada Yang Berhormat Dato' Azumu Tak yang menjadi Tuan Yang di-Pertua hari ini orang Perak jadi Tuan Yang di-Pertua hari ini.

**Seorang Ahli:** Orang Malaysia!

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui oleh orang ramai, Menteri Pertanian kita telah lama berjanji akan membuat pindaan kepada Akta Perikanan 1985. Walaupun Kementerian mengambil masa yang panjang untuk membuat pindaan ini, di sini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan memberikan tahniah kepada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Seksyen 9 Akta **Ibu**. Seksyen 9 ini mengatakan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk raengeluarkan lesen-lesen atau permit bagi vesel-vesel ataupun bot-bot bagi penangkapan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diketahui oleh kita bagi lesen pukut tunda, Kementerian atau Jabatan Perikanan juga telah memberhentikan untuk mengeluarkan lesen pukut tunda. Bagi kes ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian atau Jabatan Perikanan iaitu adakah lesen-lesen atau permit bagi pukut tunda dikeluarkan untuk menggantikan lesen-lesen yang telah dibatalkan. Saya beri contoh, bagi pemilik-pemilik lesen yang telah melanggar syarat-syarat Akta Perikanan atau telah dibatalkan lesen mereka, maka adakah lesen baru digantikan seperti yang telah saya katakan?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya ceritakan tadi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Perikanan bahawa sememangnya lesen pukut tunda yang telah dibatalkan itu adalah digantikan dengan lesen baru dan dikeluarkan semula kepada orang yang bukan nelayan atau kepada orang yang bukan bergantung kepada kehidupan kelautan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya ingin menarik perhatian bahawa orang-orang yang bukan nelayan yang mendapat lesen ini dan tidak bekerja sebagai nelayan kemudian menjual lesen ini kepada orang yang sebenar yang bekerja sebagai nelayan dengan harga yang tinggi selalunya antara RM10,000 sampai RM25,000. Oleh sebab itu, saya dengan hati yang jujur merayu pihak Kementerian supaya mengambil berat serta memberi perhatian kepada aduan yang telah saya ceritakan tadi dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan lesen baru ini dikeluarkan kepada orang yang bergantung hidup sebagai nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari ini, saya ingin juga merujuk kepada Seksyen 10(c) Akta Ibu, yang mengatakan, selain dari mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain yang mungkin terpakai, kehendak yang menyatakan bahawa seseorang yang bukan warganegara Malaysia tidaklah boleh melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti-aktiviti penangkapan ikan yang berhubung dengan vesel penangkapan ikan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah. Sub-seksyen ini menyatakan bahawa jikalau seseorang yang bukan warganegara mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah, dia boleh bekerja sebagai seorang nelayan. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, jikalau seorang pemilik vesel atau bot penangkapan ikan tempatan menggaji seorang asing seperti orang Indonesia, orang Thailand atau lain-lain orang asing, adakah Ketua Pengarah kita akan mengeluarkan kelulusan seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin merujuk kepada Pasal 4 yang berkaitan dengan pindaan Seksyen 11, sub-seksyen (i),(ii),(iii) dan (iv) - saya ingin juga bertanya kepada Kementerian iaitu jikalau kita menangkap ikan seperti cara yang diceritakan di sini, adakah kita mesti membaharui lesen atau permit dari Kementerian. Saya beri contoh, misalnya, kita menggundakan bidai di tepi sungai untuk menangkap, fighting fish, dengan izin, adakah ini juga mesti memerlukan lesen dari Kementerian? Lagi satujikalau kita memancing ikan di tepi sungai dengan menggunakan tali dan mata pancing, adakah ini juga memerlukan permit atau lesen dari Kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Pasal 5, subseksyen (4), seksyen 13, Akta Ibu, telah melanjutkan tempoh rayuan kepada Menteri dari 14 hari sehingga 30 hari. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian. Pindaan ini memang baik dan wajar sebab benarnya 14 hari untuk membuat rayuan adalah satu tempoh yang pendek. Ini raunkin satu pindaan yang baik kepada nelayan kita.

Fasal 11, berkaitan dengan seksyen 25, perenggan (b), telah mengurangkan maksimum denda dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi vesel penangkapan ikan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perikanan bahawa pindaan ini juga wajar, tetapi saya ingin bertanya kepada Kementerian, pada masa Akta Ibu itu dijalankan pada tahun 1985, adakah nelayan-nelayan tempatan di denda atau dihiikum oleh mahkamah kita sehingga RM50,000? Adakah kes seperti ini berlaku? Jikalau ada, berapakah jumlah kes seperti yang dikatakan?

Tuan Yang di-Pertua, denda maksimum RM20,000 adalah tinggi saugat. Majoriti nelayan kita datangny dari keluarga yang miskin dan mereka selalu meminjam wang modal dari tauke-tauke, atau dari peniaga-peniaga ikan atau majikan mereka untuk membuat bot dan enjin meereka. Oleh sebab itu, Lembaga MAJUIKAN selalu menggalakan nelayan kita menjual hasil tangkapan mereka kepada pelanggan-pelanggan tanpa melalui tauke-tauke atau, middlemen, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kes, ini bermakna tauke ini memberi modal tanpa wang bunga dan nelayan menjual tangkapan ~~maka~~ kepada tauke atau majikan. Ini satu transaksi yang saksama dan adil pada pendapat saya. Kita mesti ingat jikalau bot-bot nelayan melanggar syarat-syarat Akta Perikanan atau dirampas oleh mahkamah, ini bermakna wang yang dipinjam itu tidak dapat diambil balik. Oleh sebab itu, saya harapkan supaya Kerajaan atau Lembaga MAJUIKAN akan mengambil perhatian mengenai mengapa nelayan kita suka menjual tangkapan hasil rnereka kepada majikan mereka atau tauke-tauke mereka. Walau bagaimanapun, saya sangat menghargai pindaan yang dibuat oleh Kementerian ini dan mengucapkan ribuan terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua, bagi Pasal 12, seksyen 31, Akta Ibu di-pinda dengan cara menambahkan lagi satu peluang kepada seseorang nelayan untuk mengkompaunkan kesalahan mereka tanpa di bawa ke mahkamah. Dahulu kita mempunyai dua peluang, dan sekarang ditambah lagi satu peluang. Saya ingin bertanya lagi kepada Kementerian iaitu jikalau seorang nelayan ditangkap dan telah dikompaun sebanyak dua atau tiga kali - satu kali telah di kenakan kompaun, dua kali telah dikenakan kompaun dan tiga kali telah di kenakan kompaun maka selepas nelayan ini menukar miliknya dengan menjual botnya kepada scorang lain yang telah diberi lesen atau permit bot, adakah ia akan dikira baru atau sudah tamat tiga kali? Di haraplah supaya Kementerian boleh memberi keterangan atau penjelasan bagi kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 seksyen 47 Akta **Ibu**. Saya ingin merujuk kepada seksyen 47A subseksyen (2) dan seksyen 51 Akta **Ibu**. Saya dapati tiap-tiap nelayan yang bekerja di laut diberi satu kad pengenalan atau I/C nelayan. Di dalam kad pengenalan atau I/C ini ada terletak gambar nelayan itu.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian bahawa kad pengenalan nelayan ini tidak diterima oleh pihak Polis Marin. Ia dianggap satu identiti Jabatan Perikanan sahaja dan tidak diterima oleh pihak Polis. Oleh sebab itu, saya rasa dengan kes ini, Jabatan Perikanan kita mesti berhubung dengan Polis Marin supaya ditentukan sah I/C nelayan ini sebagaimana sahnya kad pengenalan yang kita pakai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada Fasal 16, seksyen baru 47D subseksyen (1) dan (2). Saya rasa kedua subseksyen ini tidak beri kelebihan kuasa kepada Pegawai Perikanan kita.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 47D, kita telah beri kuatkuasa kepada Pegawai Perikanan bahawa jikalau seorang nelayan ditahan atau ditangkap, mereka ada kuasa menahan nelayan kita untuk tempoh 24 jam. Oleh sebab ini saya takut pegawai kita akan salahguna kuasa mereka. Saya beri satu contoh; satu bot ditangkap atau ditahan di laut pukul 2.00 petang. Bila ditarik balik masuk pengkalan, sampai pengkalan kita lebih kurang pukul 5.00 petang. Saya takut pegawai

kita mengatakan, "Oh, pejabat Sudah tutup kerana sekarang sudah pukul 5.00 petang; Jadi, saya akan tahan nelayan ini sampai besok. Selepas ini, saya akan menyiapkan semua kompaun-kompaun atau kertaskerja pentadbiran ini".

Selain dari **itu**, seksyen 47Dj subseksyen (2) juga memberi Pegawai Perikanan kita kuasa untuk mengemukakan nelayan ini ke mahkamah bagi tempoh tidak melebihi 15 hari pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat nelayan kita bukan melibatkan diri dalam satu jenayah, dia bukan penjahat, dia bukan perompak. Jikalau kita bagi kuasa seperti ditahan selama tempoh tidak melebihi 15 hari saya ingat ini adalah satu kuasa yang sangat melampau yang kita beri kepada pegawai kita. Oleh sebab **itu**, diharaplah Kementerian boleh memberi penjelasan yang lebih bagi seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya saya berpendapat bahawa pindaan Akta Perikanan ini tidak dapat mengatasi atau menyelesaikan masalah-masalah atau kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh nelayan kita terutamanya kepada nelayan pukat tunda.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang selalu timbul di laut adalah berkaitan dengan sempadan atau zon terhad atau kawasan yang tidak dibenarkan menangkap ikan. Silap faham selalu timbul oleh sebab kita tiada alatan seperti boyar atau pelampung untuk menunjukkan itu kawasan terhad untuk menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri satu contoh, mengenai seorang kawan nelayan yang buat aduan kepada saya. Pada satu hari ketika dia bekerja di laut dan sampailah satu bot Marin. Pegawai

bot Marin ini tanya nelayan kita, "Encik ada lesen?" Nelayan kita tunjuk lesen. Selepas dia tengok lesen, pegawai itu cakap dengan nelayan kita, Bot encik sudah 'lalam' zon yang terhad iaitu dalam 5 batu, atau dengan izin, 5 nautical sea raile".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa itu "lalam", "laram"?

**Tuan Ho Cheng Wang:** Dalam zon yang terhad. Dalam zon yang tidak boleh tangkap ikan.

Kemudian, dia minta bot ini ikut dia pergi ke Pengkalan Kuala Kurau. Jadi, nelayan ini dia minta digunakan alat-alat radar system untuk mengukur berapa jauh dari pantai. Tetapi pegawai bot Marin ini berkata, "Oh, bot saya tiada alat-alat ini". Nelayan kita menjawab, "Tidak apalah. Saya letakkan sauh atau anchor, dengan izin, ke dalam laut dan tunggu di sini. You panggil bot Marin yang besar sekali ke sini dan ukur berapa jauh dari pantai". Jadi, pegawai bot Marin ini menjawab, "Saya tidak ada mobile telephone, mana boleh panggil?" Nelayan kita botnya dilengkapi dengan telefon. Nelayan itu kata, "Saya pinjamkan telefon, you telefon sendiri panggil bot yang besar sekali ke sini untuk mengukur berapa batu dari pantai". Jadi, selepas diukur oleh sebuah bot Marin yang lain, dia mendapati bot nelayan itu tidak berada dalam kawasan terhad. Ini bermakna dia tidak bersalah. Oleh sebab itu, pegawai bot Marin ini pun tiada alasan melainkan melepaskan nelayan ini. Tetapi selepas 20 minit, bot Marin itu berpusing balik untuk memeriksa bot nelayan ini sama ada bot itu ada lampukah; ada lampu. Dia tengok



ada pemadam apikah; ada. Dia tengok ada jaket penyelamatkah; ada. Selepas ini, dia tiada alasan lagi dan lepaskan bot ini.

Tuan Yang di-pertua, apa yang saya telah ceritakan ini adalah satu cerita yang benar dan hari ini nelayan itu telah berhenti sebagai seorang nelayan sebab dia telah hilang keyakinan, (confidence) kepada pegawai kita. Dia telah berhenti sebagai seorang nelayan dan menjual botnya dan membeli satu van untuk menjual air tebu di tepi jalan. Nelayan ini, seorang Pengerusi Persatuan Pukat Tunda di Pulau Sebatang.

Tuan Yang di-pertua, ini bukan bermakna semua pegawai-pegawai kita terlibat tetapi pegawai-pegawai dari bot Marin; bukan dari Jabatan Perikanan. Semua nelayan benci bot Marin sebab bot Marin ini selalu tidak dilengkapi dengan alat-alat ukur. Pegawai-pegawai bot Marin juga tidak memberi penjelasan kepada nelayan kita bila mereka mengambil tindakan di mana dan berapa jauh bot seseorang nelayan itu dari pantai. Oleh sebab itu, nelayan-nelayan kita selalu benci bot Marin.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari ini, saya ingin juga merujuk kepada perairan sempadan di Pulau Sebatang sampai Kuala Kurau. Pulau Sebatang terletak dalam daerah Larut Matang tetapi Kuala Kurau terletak dalam daerah Kerian di Perak. Oleh sebab pada masa dahulu, nelayan dari Pulau Sebatang dan Kuala Kurau bergaduh dan berlawan sampai orang selalu mati. Ada nelayan kita mati di laut ketika berlaku pergaduhan. Tetapi hari ini pergaduhan itu telah selesai.

Salah faham semua telah selesai. Tetapi masalah timbul ialah soal perairan sempadan yang terletak dalam daerah Larut Matang dan daerah Kerian. Oleh sebab **ini**, bot-bot dari daerah Larut Matang, bila dia hendak balik dari laut ke Pulau Sebatang, dia terpaksa melalui perairan daerah Kerian. Nelayan ini selalu ditangkap dan dikompaun oleh bot Marin di Kuala Kurau. Oleh sebab itu, saya hendak minta Kementerian Pertanian, jikalau boleh, membatalkan sempadan ini yang pada ketika **ini**, di sebelah kiri daerah Manjung, kita masuk perairan Manjung; tiada kesalahan. Tetapi kalau kita masuk ke perairan daerah Kerian, jadi satu kesalahan. Oleh sebab **itu**, saya hendak minta Kementerian jikalau boleh memberi satu penjelasan, bolehkan sempadan ini dibatalkan.

Selain dari **ini**, Tuan Yang di-Pertua, yang tadi saya ceritakan iaitu masalah dan salah faham timbul oleh sebab tiada boyar atau pelampung, tiada tanda untuk menunjukkan had zon atau kawasan yang terhad. Oleh sebab itu, saya bagi pihak nelayan-nelayan di daerah Larut Matang meminta Kementerian, bolehkah kita menanam pancang sahaja?

Saya ingat, Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu pun sudah menjawab soalan saya bahawa pelampung atau boya ini akan menjadi satu gangguan kepada pelayaran vessel atau bot kita di laut. Tetapi saya ingat, jikalau boleh, kita tanam pancang sahaja dengan kayu - tanam pancang. Jikalau Kementerian kita setuju, kita akan membekalkan semua pancang-pancang ini, membekalkan semua buluh kita, tetapi pegawai-pegawai dari Jabatan Perikanan patutlah datang sendiri menunjukkan di mana kita menanam pancang ini dan carilah satu tanda atau boya untuk menunjukkan kawasan yang dikhaskan di dalam lingkungan lima batu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya ingin bertanya lagi satu soalan berkaitan pemilik lesen. Apa yang diketahui oleh kita pada masa setakat ini, jikalau seorang bapa sakit dan dia tidak dapat keluar ke laut menggunakan botnya, anaknya yang tidak mempunyai kad pengenalan khas tidak boleh mengganti bapanya mengambil bot ini ke laut untuk menangkap ikan. Adakah ini benar atau tidak? Jikalau ini benar, saya harap Kementerian ambil tindakan, sebab jika bapanya sakit atau abang atau adiknya sakit mestilah kita beri kebenaran kepada ahli-ahli keluarganya untuk menggantikan tempatnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 1992 ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Diminta Timbalan Menteri Pertanian menjawab.

**5.42 ptg.**

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang yang telah membahaskan beberapa peruntukan dalam pindaan yang dibuat bagi Akta Perikanan 1985. Begitu juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang walaupun tidak membahas tetapi nampaknya bersetuju dengan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pertanian. Saya juga mengucapkan terima kasih.

Pada keseluruhannya, pindaan yang dicadangkan oleh Kementerian telah diterima dengan baik bukan sahaja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, tetapi juga di Dewan Rakyat. Memang pindaan-pindaan yang dikemukakan ini bukanlah satu pindaan yang boleh memuaskan hati seratus peratus kepada mereka yang terlibat dalam bidang perikanan. Cuma, setakat mana yang dicadangkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang ada minat dalam perikanan, setakat mana boleh, kita telah pinda, tetapi perkara-perkara yang kita fikir tidak patut dipinda dari segi Kementerian dan juga dari segi industri perikanan, masih dikekalkan dalam seksyen-seksyen asal dalam Akta Perikanan 1985.

Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara. Pertama adalah mengenai lesen pukut tunda baru yang tidak dikeluarkan bagi lesen yang telah dibatalkan. Beliau bertanya, apabila satu lesen dibatalkan, bolehkah dikeluarkan lesen baru? Ini tidak dikeluarkan bagi lesen yang telah dibatalkan, terutama sekali dalam Zon B dan Zon C. Sementara pengeluaran lesen vesel laut dalam tidak terhad kepada nelayan. Ia terbuka kepada semua

termasuk pemodal yang berkemampuan.

Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada kebiasaannya, nelayan yang terlibat dalam bidang penangkapan ikan telah pun dibekalkan dengan lesen. Satu pendaftaran kepada semua nelayan-nelayan dan kepada mereka yang berusaha dalam bidang ini telah dijalankan dan mereka telah pun diberi lesen. Selepas satu exercise yang menyeluruh, barulah- Kementerian Pertanian mendapati bahawa lesen yang telah dikeluarkan mencukupi untuk menangkap ikan dalam perairan kita. Selepas itu, kalau syarat-syarat dilanggar oleh mana-mana pihak, buat masa sekarang lesen itu kita tidak akan menggantikan.

Pemilik vesel tempatan yang ingin menggunakan pekerja asing boleh memohon kebenaran dari Ketua Pengarah Perikanan. Itu kita akan beri. Pindaan yang dibuat adalah bagi tujuan tersebut. Kelulusan akan dipertimbangkan kepada pamilik-perailik vesel laut dalam sahaja, bukan luar daripada laut dalam. Kita ingin memberi peluang kepada warganegara kita untuk menjadi prkerja bagi Zon B dan C, tetapi bagi laut dalam, oleh kerana warganegara kita tidak mencukupi, kita akan rmemberi pertimbangan. Sebenarnya, buat masa sekarang, lebih kurang 5,700 orang pekerja asing telahpun diberi kebenaran untuk bekerja di bot-bot laut dalam.

Menangkap ikan seperti fighting fish atau memancing ikan sebagai hobi tidak memerlukan lesen di bawah Akta ini. Akta ini adalah terhadap commercial fishing, bukan untuk menyekat hobi seperti memancing ikan dan sebagainya.

Sejak Akta Perikanan 1985 dikuatkuaaaakan, belum pernah ada nelayan tempatan yang dikenakan denda hingga RM50,000. Walaupun

begitu di dalam memorandum-memorandum yang kita telah terima, ramai telah membuat rayuan untuk mengurangkan denda maksimum itu daripada RM50,000 itu kepada RM20,000. Walaupun ini adalah kuasa Mahkamah dan kita pun fikir pengurangan denda ini perlu dibuat.

Tuan yang di-Pertua, nelayarr-nelayan yang menangkap ikan di sesuatu kawasan itu lebih arif dan faham tentang sempadan masing-masing. Apabila mengambil tindakan ke atas mereka yang melanggar kawasan atau sempadan, pihak Kementerian tidak pernah bertindak begitu tegas atau rigid, tetapi sebaliknya sentiasa memberi kelonggaran dalam hal ini. Memang boya atau pancang tidak dapat menyelesaikan masalah ini tetapi ia akan menjadi halangan kepada pelayaran vesel-vesel.

Ahli Yang Berhormat telah meayebutkan tentang Polis Marin. Selain daripada Jabatan Perikanan, Pihak polis mempunyai kuasa di bawah Akta tertentu untuk menangkap sesiapa bukan sahaja di darat, tetapi juga lautan. Ini adalah kuasa Polis di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kita cuma ada kordinasi dan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri dan pihak Polis Marin dari masa ke semasa dari segi keselamatan. Jadi, kuasa Polis itu, pihak Jabatan Perikanan atau Kementerian saya tidak dapat mempertikaikan, itu adalah kuasa pihak Polis dari segi keselamatan.

Apabila mereka mengambil sesuatu tindakan di bawah kuasa yang diberi, hak itu perlu dipatuhi oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, apabila persatuan nelayan kita memancarkan perkara-perkara yang tertentu, kita telah menghubungi pihak marin Polis supaya masalah-masalah seperti itu dapat diatasi.

Tentang kompaun. Selepas tiga kali kesalahan dikompaun, kita tidak fikir wajar untuk membenarkan lesen itu ditukarkan. Ini bermakna sesiapa yang memiliki lesen boleh melanggar syarat undang-undang ini sebanyak 3 tiga kali, selepas ini bertukar lesen. Kalau itu dibenarkan, kompaun itu tidak akan bermakna. Itu tidak akan menjadi sebagai satu halangan kepada mereka yang memiliki lesen untuk melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini.

Kad-kad yang dikeluarkan kepada nelayan sebenarnya bukanlah satu kad yang boleh menggantikan kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kad pengenalan yang dikeluarkan kepada nelayan atau mereka yang bertugas di dalam bot-bot penangkapan ikan adalah lebih daripada kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, khususnya untuk mendaftar dan mengenalkan pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi, pihak nelayan perlu menyimpan kad pengenalan yang dikeluarkan oleh

Kementerian Dalam Negeri pada bila-bila masa seperti setiap rakyat Malaysia. Dan kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan yang sebenarnya dikeluarkan, khususnya bagi pekerja-pekerja asing yang terdapat dalam bot-bot penangkapan ikan.

Tentang kuasa yang diberikan kepada pegawai-pegawai untuk menjalankan penyiasatan kes-kes kesalahan, ini saya tidak boleh menafikan bahawa kemungkinan anggapan pegawai boleh jadi salah tetapi daripada pengalaman yang kita perolehi, biasanya kalau sesuatu tangkapan telah dibuat dan kalau kesalahan itu boleh dikompaun, kita kompaun. Kalau kesalahan itu didapati tidak begitu serius, kita akan lepaskan mereka yang ditangkap dalam beberapa jam sahaja. Tetapi kalau kesalahan itu dianggap serius, maka barulah pegawai-pegawai berkenaan akan menahan nelayan-nelayan sehingga siasatan diselesaikan. Kalau siasatan yang sempurna tidak dibuat, kita tidak boleh bawa orang yang buat kesalahan itu ke mahkamah dan pertuduhan kita tidak akan dapat diterima oleh mahkamah.

**Tuan Ho Cheng Wang:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap. Ada yang bangun.

**Dato' S. Subramaniam:** Saya akan beri jalan nanti. Saya akan beri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan beri!

**Dato' S. Subramaniam:** Ya, saya akan beri, Tidak akan diterima oleh mahkamah dan kita pun susah untuk mengambil tindakan kepada mereka yang melanggar syarat.

**Tuan Ho Cheng Wang:** [Bangun]



**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan kuasa dan penyiasatan. Keadaan yang serius ini bermakna nelayan ini boleh berlawan dengan pegawai kita, tikam pegawai kita, tumbuk pegawai kita atau apakah makna kesalahan yang serius ini? **[Ketawa]**

**Dato' S. Subramaniam:** Kesalahan-kesalahan yang serius ada berjenis-jenis, termasuk juga perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Selain daripada kesalahan menangkap ikan dan tanpa lesen, jadi kalau nelayan yang menangkap ikan di laut dalam atau di zon-zon mana tanpa lesen, dianggap oleh Kementerian Pertanian sebagai kesalahan serius. Kalau tidak, tidaklah perlu sesuatu Akta Perikanan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan tidak bermakna kita menyekatkan pihak-pihak yang mempunyai lesen. Jadi, begitu juga tentang pergaduhan dan melarikan diri daripada pihak penguatkuasa yang menangkap mereka apabila mereka melakukan kesalahan-kesalahan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-pertua, saya akan mengambil perhatian terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat tentang masalah sempadan yang disebutkan itu dari Matang ke daerah Krian. Ini mungkin ada sebab-sebab tertentu bersejarah daripada pergaduhan yang berlaku di dalam beberapa tahun yang lalu. Tetapi saya fikir perkara ini bolehlah dikaji dan kalau didapati perlu, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara itu.

Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa kalau sekiranya kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan, kebanyakannya kita anggap serius terhadap bot-bot asing atau bot-bot yang menangkap ikan di laut dalam kita tanpa lesen. Ini yang kita menganggap itu serius lagi. Tetapi daripada bot-bot yang diberikan lesen yang melakukan kesalahan, kita juga fikir kalau melanggar zon pun, kesalahan juga. Kalau melanggar zon sekali, dua kali atau tiga kali yang tidak dianggap serius boleh dikompaun. Tetapi melebihi itu, kita fikir kalau diteruskan kesalahan itu, itu bererti pihak yang memiliki lesen itu tidak ingin mematuhi Akta atau peruntukan dalam Akta. Ini bukan bererti pegawai kita begitu tegas dan rigid terhadap nelayan yang menangkap ikan. Sebaliknya, nelayan perlu mematuhi supaya kita ada satu sastera. Kalau bot yang diberi lesen bagi Zon B, kalau sentiasa masuk dalam Zon C, itu akan menimbulkan satu keadaan huru-hara dan boleh jadi pergaduhan di antara mereka yang memiliki lesen bagi satu zon dengan pihak yang memiliki lesen, di satu zon lain. Itulah kita mempunyai sistem supaya menentukan pihak yang dibenarkan menangkap ikan mengikut zon masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini ada kuasa diberikan kepada Ketua Pengarah Perikanan untuk menukar lesen kepada orang lain. Jikalau alasan yang diberikan didapati boleh diterima atau dengan alasan yang baik. Umpamanya, kalau bapa sakit, lesen itu boleh ditukar kepada anak. Kita akan membenarkan. Dan kalau difikirkan dari masa ke semasa kalau bapa itu sudah tua dan selalu uzur, perlulah bapa itu mengemukakan nama anak itu, dimasukkan dalam

permit supaya anak juga boleh membawa bot **itu**. Kita tidak boleh beri kuasa kepada pegawai-pegawai untuk sendiri buat tafsiran - ini bapa sakit, fasal itu anak bawa bot atau abang sakit, adik bawa **bot**. Tidak bolehlah juga buat tafsiran sendiri. Itu juga akan menimbulkan keadaan yang tidak begitu memuaskan.

Oleh kerana itu, saya menasihat kalau bapa itu sudah tua, boleh masukkan nama anak dalam lesen itu dan kemukakan kepada Ketua Pengarah dan kita akan memasukkan nama anak. Seperti bawa kereta **pun**, tiap-tiap orang mesti mempunyai lesen. Kalau nama anak dikemukakan kepada Kementerian, kita akan masukkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu sahajalah penjelasan-penjelasan. Perkara-perkara yang lain kalau tidak dijelaskan dengan mencukupi, telah dicatat oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian. Kita akan rnengambilkira pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankaasa]**

**Fasal 1 hingga 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (**PINDAAN**)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.05 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993 bagi bacaan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1955. Kementerian saya dan pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda demi kelicinan pentadbiran dan bersesuaian dengan masa sekarang.

Pada amnya, pindaan yang dicadangkan boleh dibahagikan kepada tiga perkara iaitu permaliman, danda dan pentadbiran. Pada masa ini hanya malim Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang boleh memalim kapal dalam kawasan permaliman pelabuhan. Pindaan dibuat bagi membolehkan malim yang bukan pekerja Suruhanjaya Pelabuhan untuk memalimkan kapal dalam kawasan perairan pelabuhan. Untuk berbuat demikian, mereka mesti dilesenkan oleh Jawatankuasa Permaliman Pelabuhan.

Dengan itu, segala paruntukan dalam Akta ini yang mengawasi kegiatan dan kelakuan malim Suruhanjaya Pelabuhan perlu dipinda untuk membawa ke dalam lingkungannya malim-malim yang dilesenkan. .

### **Denda**

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bercadang menaikkan denda untuk beberapa jenis kesalahan yang dilakukan di bawah Akta **ini**. Kenaikan ini perlu memandangkan jumlah yang dikenakan sekarang telah lama dibuat dan adalah tidak sesuai lagi. Kebanyakan daripada denda dinaikkan dari RM500 ke RM2,000; dari RM1000 ke RM2,000 dan ada juga ke RM5,000. Kenaikan denda adalah untuk kesalahan seperti memberi pernyataan palsu mengenai matan, tuntutan dan dokumen tentang kargo; memberi maklumat palsu tentang paras benaman air kapal; kegagalan pemunya kapal menggunakan malim Suruhanjaya Pelabuhan atau malim yang dilesenkan untuk memalim kapal dalam kawasan permaliman wajib; menghalang pekerja Suruhanjaya Pelabuhan menaiki kapal bagi tujuan penyiasatan tentang kesalahan yang dilakukan dan mengendalikan kargo melalui pantai pelabuhan, off-shore, dengan izin, tanpa kebenaran Suruhanjaya Pelabuhan.

Di samping itu, pindaan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pelabuhan mengenakan denda kepada sesiapa yang melanggar perintah atau arahan dalam mana-mana juga kawasan pelabuhan, Peruntukan yang sedia ada hanya meliputi kesalahan yang dilakukan di dalam kawasan dermaga sahaja.

Satu lagi pindaan memberi kuasa kepada Pengurus Besar pelabuhan mengenakan kompaun ke atas beberapa kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini.

### **Pentadbiran**

Pindaan dibuat untuk membolehkan Suruhanjaya Pelabuhan menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan yang ada kaitan dengan aktiviti pelabuhan seperti mentadbir pelabuhan kering dan sebagainya; memberi kuasa kepada Pangurus Besar untuk mengarah pemindahan kapal apabila berlakunya kebakaran; membolehkan Suruhanjaya Pelabuhan menubuhkan pasukan keselamatan pelabuhan; memperluaskan skop jenis pinjaman kepada kakitangan pelabuhan; memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pelabuhan menghapuskan hutang luput ataupun aset yang tidak boleh digunakan lagi.

Selain dari ini, pindaan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pelabuhan mendapatkan kembali perbelanjaan yang telah dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki kerosakan harta benda yang disebabkan oleh keengganan atau kecuaiannya mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang diberi menurut Akta ini. Dan memperuntukkan saksiyen baru untuk mengawal perbuatan syarikat yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993 ini tidak melibatkan perbelanjaan wang bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. **[Tiada perbahasan]**

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.



Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan. Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN  
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6. 11 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah ditubuhkan di dalam tahun 1975 apabila Institut Piawaian Malaysia (SIM) dan Institut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISA) dicantumkan. Sejak penubuhan itu, banyak perubahan dan pembangunan di dalam sektor perindustrian telah berlaku yang memerlukan pindaan tertentu kepada Akta 157 itu dilakukan bagi membolehkan SIRIM bertindak kepada

kehendak-kehendak pembaharuan dan permintaan bagi pembangunan industri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan atau consolidate, dengan izin, dan memperkuat struktur dan fungsi SIRIM sebagai Institusi Standard dan Penyelidikan Perindustrian. Dengan mengadakan definisi-defiaisi yang baru, peruntukarrperuntukan yang baru dan memansuhkan peruntukan-peruntukan yang difikirkan tidak sesuai dengan perkembangan semasa, adalah diharapkan SIRIM akan dapat bertindak dengan lebih cepat bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi SIRIM pada asasnya adalah menyentuh struktur, fungsi dan membuat peruntukan-peruntukan yang baru bagi menjelaskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan selaras dengan perkembangan ekonomi dan penerokaan pasaran yang kian menjadi kecil di peringkat antarabangsa. Antara piadaan-pindaan utama yang dicadangkan ialah:

- (i) Mengadakan istilah-istilah baru selaras dengan pengwujudan Skim Akreditasi Makmal Malaysia, persijilan, Sistem Pengukuran Kebangsaan dan pendaftaran bagi rnenggiatkannya dengan sistem pembangunan standard untuk penentuan kualiti. Ini di dalam seksyen 2. Misalan "istilah-istilah baru" yang dicadangkan ialah:-
  - (a) "standard" bagi menggantikan perkataan "piawaian";
  - (b) "accreditation" iaitu proses yang membolehkan

pengiktirafan rasmi bagi kebolehan melalui penilaian teknikal bagi semua aspek operasi berbanding dengan kriteria-kriteria yang ditentukannya;

- (c) "Board" bagi menggantikan perkataan "Council" untuk menyelaraskan dengan panggilan "Lembaga Pengarah" seperti badan-badan berkanun yang lain;
- (d) "Certification" bagi menentukan produk proses barangan amalan atau perkhidmatan itu memenuhi standard yang ditetapkan;
- (e) "Council" yang baru, iaitu bagi menerajui Majlis baru yang ditubuhkan seperti Majlis R&D, Akreditasi Standard dan Pengembangan Perindustrian atau "Industrial Extension", dengan izin;
- (f) "Deputy Director-General" iaitu gelaran bagi jawatan baru yang diwujudkan;
- (g) "Director-General" bagi menggantikan gelaran jawatan "Pengawal" supaya ianya selaras dengan panggilan "Ketua Eksekutif" badan-badan berkanun yang lain;
- (h) "National Measurement System" yang bertujuan supaya Sistem Pengukuran Kebangsaan boleh dikesan dapat diadakan; dan
- (i) "Registration" iaitu pengaturan pendaftaran mengesahkan atau disetujuterima oleh SIRIM bagi ciri-ciri yang berkaitan atau yang ada pada produk proses amalan dan perkhidmatan.

- (ii) Mengukurkan struktur Lembaga bagi membolehkannya bertindak dengan lebih cepat, cekap dan berkesan, sebagaimana Lembaga Pengarah Syarikat. Tindakan diambil dengan mengurangkan bilangan ahli Lembaga Pengarahnya daripada 24 orang kepada 13.
- (iii) Mengemaskinikan struktur organisasi selaras dengan fokus aktiviti yang dijalankan melalui peruntukan yang membolehkan Lembaga mengambil ekuiti atau mengadakan usahasama dengan sesebuah syarikat. Pindaan ini adalah sama seperti yang telah dibuat kepada peruntukan Akta MARDI yang membolehkannya mengambil kepentingan jika ia hendak memperdagangkan hasil penyelidikan, misalnya.
- (iv) Mewujudkan Majlis yang baru bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Akreditasi Standard dan Pengembangan Perindustrian. Aktiviti-aktiviti ini yang akan diberikan penekanan oleh SIRIM pada masa-masa yang akan datang.
- (v) Membolehkan institut dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab baginya dan juga Menteri Kewangan untuk menubuhkan perbadanan (corporation). Tindakan ini adalah sebagai usaha awalan untuk bersedia bagi menswastakan aktiviti-aktiviti SIRIM yang difikirkan sesuai mengikut jadual yang dirancangan.

- (vi) Memberikan kuasa untuk mengenakan surcaj kepada kakitangannya yang tidak menjalankan tugas mengutip yuran bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberikan oleh Institut.
- (vii) Mengadakan peruntukan baru bagi menjelaskan penggunaan cap dagangan Malaysian Standard (MS); dan
- (viii) Peruntukan memberikan Sijil akreditasi kepada sesiapa yang ingin 'diakreditasi'kan sebagai agen persijilan, agen makmal yang diakreditasikan dan juga sebagai agen bagi penulisan standard.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan. kepada Akta SIRIM ini pada asasnya adalah bertujuan untuk mengemaskinikan dan mengukuhkan (consolidate) peruntukan-peruntukan yang ada bagi membolehkan SIRIM bertindak dengan lebih cepat dan cekap selaras dengan misi korporatnya, untuk menjadi rakan kongsi kepada industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Dato' Soong Siew Hoong.

**6.22 ptg.**

**Dato' Soong Siew Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap mengenai Rang Undang-undang meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975, di Dewan yang mulia **ini**.

Saya ingin memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap pindaan Akta **ini**. Pertama, pindaan perkataan "PIAWAIAN" kepada "STANDARD" bukan sahaja lebih mudah disebutkan, tetapi perkataan "Standard" juga lebih mudah difahami oleh orang ramai.

Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia lebih senang dikenali orang sebagai nama 'SIRIM', iaitu dengan izin, Standards and Industrial Research Institute of Malaysia. Jika dibandingkan dengan 'akronim' Bahasa Malaysia 'IPPPM'. Kalau kita kata IPPPM orang tidak tahu apa maknanya, tetapi kalau kata SIRIM semua orang tahu.

Selain daripada perkara ini, pindaan Akta ini juga membenarkan SIRIM mencebur diri dalam kegiatan-kegiatan pemiagaan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen baru 7B, aeksyen kecil (c), (d) dan (g).

Saya yakin pindaan dalam aspek ini adalah bertujuan menggalakkan pihak swasta berusahasama dengan SIRIM, dengan memperoleh ekuiti dalam aktiviti-aktiviti seumpama dengan Institut tersebut iaitu dalam usaha menetapkan Standard Penyelidikan Industri dan lain-lain. Langkah ini adalah langkah yang bijak dan patut dipuji demi

membekalkan sektor swasta dalam usaha menambah dan mempercepat tugas-tugas yang diberi kepada SIRIM dalam memberi perkhidmatan kepada perindustrian.

Walau bagaimanapun, ingin saya memberi peringatan bahawa SIRIM tidak seharusnya tertarik dalam dunia perniagaan, dengan izin, be obsessed or go about in doing business sehingga melencungkan sumber manusia dan sumber-sumber kewangan mereka kepada dunia perniagaan dan mengabaikan kewajipan kerja yang lebih penting, iaitu penyelidikan.

SIRIM seharusnya diingatkan iaitu ia tidak seharusnya mencebur di dalam perniagaan demi untuk bersaing dengan sektor swasta, in other words, SIRIM should not compete with the private sector. Sebaik sahaja usahasama dengan pihak swasta mula mencapai keuntungan, dengan izin when you begin to make profit, SIRIM seharusnya menarik balik ikuiti mereka dari perniagaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, SIRIM seharusnya lebih menekankan usaha-usaha membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan khususnya, demi meningkatkan rekabentuk barang-barang mereka dan meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Ia seharusnya mengadakan lebih banyak pertunjukan video dan mengedarkan risalah-risalah untuk memberi maklumat-maklumat bahawa SIRIM juga berusaha memberi perkhidmatan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan juga kepada industri-industri besar. Langkah ini seharusnya diambil melalui persatuan-persatuan perniagaan dan kumpulan perindustrian.

Apa yang telah saya lihat melalui video-video, SIRIM hanya memberi perkhidmatannya kepada Multi-National industries industri-industri besar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mencadangkan juga Institut Paiwaan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) seharusnya selalu mengadakan pameran B & D hari terbuka, dengan izin "Open Day for R&D", dengan mengadakan pondok-pondok pameran, ceramah-ceramah, persembahan mengenai hasil-hasil penyelidikan dan kemudahan penubuhan serta keupayaan Institut tersebut iaitu sekali setahun atau dua tahun sekali. Biar pihak swasta melihat bagaimana untuk mempergunakan hasil-hasil penyelidikan dalam bidang perniagaan atau melanjutkan sesuatu projek penyelidikan yang baru atau memberi peluang kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), diberi peluang untuk melihat apakah peluang yang ia boleh bekerjasama dengan SIRIM.

Saya percaya bahawa institusi-institusi penyelidikan di negara ini termasuk SIRIM telah membelanjakan banyak sumber kewangan dan kepakaran manusia dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan. Sepatutnya keputusan pencapaian penyelidikan haruslah sentiasa diumumkan bukan sahaja melalui risalah-risalah atau buletin tetapi yang lebih berkesan demi mengumumkan pencapaian dan keupayaan penyelidikan mereka pada hari tertentu iaitu dengan izin, 'R&B Open Day.'

Di sini saya ingin memuji SIRIM kerana baru-baru ini telah



menunjukkan suatu imej tentang adanya 'service oriented and user friendly dan bersopan'. Misalnya padang letak kereta di hadapan bangunan ibu pejabat SIRIM adalah dikhaskan untuk kegunaan percuma dan kemudahan pelawat-pelawat. Pegawai-pegawai SIRIM juga menunjukkan kecekapan dan kemesraan dalam layanan mereka terhadap orang ramai.

Disetengah-setengah Kementerian atau agensi Kerajaan pelawat menghadapi kesukaran mencari tempat letak kereta kerana kebanyakannya telah dikhaskan kepada kakitangan Kerajaan. Di mana-mana kita pergi ke agensi Kerajaan semua tempat letak kereta adalah dirizabkan kepada pegawai Kerajaan. Kita orang ramai tidak ada peluang untuk menggunakan tempat letak kereta tersebut.

Saya berpendapat bahwa agensi-agensi Kerajaan yang lain dan juga setengah-setengah syarikat swasta boleh mengikuti contoh SIRIM dalam cara bagaimana boleh menjadi "friendly user" dan di sini saya ingin memuji Pengawal SIRIM iaitu Dr. Tajuddin Ali. Saya berharap Ketua-ketua Jabatan di agensi-agensi yang lain juga boleh belajar daripada Dr. Tajuddin, seorang yang berdedikasi dan cekap.

Akhir sekali, saya ingin memberikan sokongan penuh terhadap Rang Undang-undang Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan)(Pindaan) 1992 di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling.  
Sila.

6.31 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

Dalam memberi sokongan penuh saya, dan oleh kerana masa kita pun begitu singkat, saya hanya ingin membuat satu cadangan sahaja iaitu Institut atau badan ini hendaklah melihat apakah kakayaan yang ada pada kita di Malaysia **ini**. Satu daripadanya ialah kita mempunyai banyak punca-punca hutan dan tanah, iaitu dari segi bio-teknologinya.

Saya ingin mencadangkan bahawa Institut ini hendaklah melihat

kepada aspek atau bidang ini supaya membuat kajian yang begitu mendalam agar negara kita, dengan izin, boleh produce people of calibre dalam pengetahuan aspek-aspek bio-teknologi supaya mereka yang berkenaan juga boleh dibantu oleh Institut ini untuk menjadi orang yang terkenal di dunia ini dan boleh menggunakan pengetahuan-pengetahuan mereka itu dalam pembangunan ekonomi kita di dunia **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan dalam perkara ini kalaulah kita membuat penyelidikan (research) dalam aspek-aspek yang negara Lain juga buat, mungkin kita tidak mendapat, dengan izin, law of comparative advantage. Jadi, saya mencadangkan supaya kita adakan research yang lebih mendalam dalam aspek bio-teknologi ini. Dengan **itu**, saya sekali lagi menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim Baba. Silakan.

6.33 ptg,

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Akta **ini**, saya ingin membuat beberapa saranan ataupun pandangan, khasnya kepada SIRIM. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada SIRIM yang sejak ditubuhkan pada tahun 1975 dahulu telahpun banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan ataupun kepada penyelidikan perindustrian di negara kita. Bersesuaian dengan hasrat negara

kita untuk menjadi sebuah negara perindustrian dan juga sebuah negara yang maju, saya berharap kepada Kerajaan supaya dapat memperlengkapkan pihak SIRIM dengan peralatan-peralatan yang canggih serta juga yang lebih terkini dengan tujuan bagi menerokai bidang-bidang teknologi yang baru, Apa yang kita tidak mahu berlaku ialah kemungkinan industri-industri lain mempunyai peralatan yang lebih canggih daripada apa yang dimiliki oleh SIRIM. Kalau keadaan ini berlaku, tentulah pandangan pihak industri kepada SIRIM akan menurun ataupun penghormatan pihak-pihak industri yang hendak menggunakan penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh SIRIM akan menurun dan oleh itu SIRIM hendaklah diperlengkapkan dengan alat-alat yang canggih, yang lebih moden supaya memberikan keyakinan kepada industri-industri di negara kita ini.

Keduanya, saya juga berharap supaya SIRIM memberikan perhatian penyelidikan kepada industri-industri kecil dan juga sederhana, kerana walaupun industri-industri ini kecil dan sederhana tetapi industri-industri ini juga memerlukan kepakaran, memerlukan pandangan-pandangan dan juga memerlukan research yang terkini, untuk menghadapi persaingan-persaingan yang akan dihadapi dalam usaha kita untuk menuju ke arah sebuah negara industri. Dalam Akta ini juga telahpun diperkatakan bahawa SIRIM akan dibolehkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan, Sepertimana yang telahpun dinyatakan oleh rakan saya tadi, kita berharap dalam keghairahan SIRIM untuk menjalankan kegiatan perniagaan, ianya janganlah sampai melupakan tugas utama SIRIM ditubuhkan. Kerana mahu tidak mahu, kita mestilah

mengakui bahawa SIRIM ditubuhkan dengan tujuan untuk membuat penyelidikan perindustrian dan janganlah dijadikan kegiatan perniagaan sebagai suatu ukuran kepada kejayaan SIRIM. Biarlah SIRIM tidak menjalankan perniagaan ataupun kurang menjalankan perniagaan, tetapi ianya lebih menumpukan kepada bidang-bidang penyelidikan yang boleh memberi rnanfaat kepada perkembangan perindustrian di negara ini.

Perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah, saya berharap juga supaya SIRIM akan lebih menggalakkan industri-industri supaya dapat menyertai ataupun menggunakan standard antarabangsa, iaitu ISO 9,000 supaya lebih menimbulkan keyakinan, khasnya kepada pengguna-pengguna di luar negara kita. Apabila barang-barang kita yang dieksport telahpun dapat menggunakan standard antarabangsa ISO 9,000, ianya boleh memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur ataupun kepada pengguna-pengguna di luar negara. Saya berharap supaya SIRIM akan menggalakkan, khasnya industri-industri yang banyak membuat barang-barang eksport ke luar negara, agar menggunakan standard antarabangsa ISO 9,000 supaya barang-barang kita dengan mudah boleh diperlakukan; dan saya percaya ianya akan dapat membantu kepada perkembangan ekonomi dan perindustrian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itulah tiga pandangan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia, Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

**6.39 ptg.**

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong, Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Saya bagi pihak SIRIM dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka masing-masing. Semua pandangan dan teguran yang disuarakan tadi akan diambilkira oleh pihak SIRIM dan juga pihak Kementerian untuk merancang aktiviti-aktiviti di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab sesuatu yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yarif Berhormat tadi, saya hanya hendak sebut beberapa perkara sahaja, dan tidak dapatlah secara menyeluruh memberi penjelasan atau maklumat atas semua perkara yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua mengenai cadangan bagi SIRIM untuk tidak menumpukan sebanyak usahanya dalam bidang perniagaan, saya hendak sebutkan di sini bahawa pihak SIRIM pada asasnya memang menumpukan kepada usaha-usaha penyelidikan. Walaupun usaha pindaan Akta sekarang di dalam Dewan yang mulia ini, ada berkaitan dengan ~~na~~ bolehkan SIRIM untuk menceburi dalam bidang perniagaan, usaha-usaha, utama dalam SIRIM masih di dalam bidang-bidang penyelidikan, Ini tidak akan diabaikan di masa akan datang.

Sukalah saya jelaskan di sini, peruntukan-peruntukan di bawah Akta yang dipinda ini memang memberi panduan kepada pihak SIRIM atau pihak pengurusan SIRIM dan tidak akan membelakangkan tanggungjawab utamanya, iaitu untuk membantu industri keseluruhannya, khasnya bagi induscri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, SIRIM telah memainkan peranan yang penting sejauh ini untuk mewujudkan persekitaran yang positif bagi industri kecil dan sederhana. Melalui skim-skim incubator perindustrian, program amalan meningkatkan kualiti, Program Kualiti Wilayah dan pengendalian Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian, semuanya adalah proses atau skim atau program di mana pihak SIRIM telah dalam usahanya untuk membantu industri kecil dan sederhana, dan semua program ini akan dijalankan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong dan juga Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba atas pandangan mereka atau nasihat mereka supaya SIRIM terus menjadi satu badan Kerajaan yang boleh terus membantu pihak industri, khasnya pihak industri kecil dan sederhana di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan tentang hari pameran hasil penyelidikan yang didapati oleh pihak SIRIM dalam satu atau dua tahun sekali, saya rasa cadangan ini adalah amat baik, walaupun pihak SIRIM dalam berbagai rancangan dan berbagai programnya juga telah mempamerkan hasil-hasil penyelidikan yang dicapai oleh pihak SIRIM, seperti pameran kerap kali diadakan dalam Pameran MAINDEK, di mana SIRIM juga ambil bahagian untuk mempamerkan kepada orang ramai hasil-hasil penyelidikan yang telah dicapai.

Daripada Yang Berhormat Tuan Ding Seling, satu cadangan yang amat baik, suka saya di sini menyatakan pihak SIRIM telah menceburi dalam bidang penyelidikan bio-technology buat masa sekarang. SIRIM, umpamanya telah mengadakan hasil dari segi penyelidikan cuka - mendapatkan cuka dari sago. Ini satu pokok yang khusus ada di negeri Sarawak. Perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak SIRIM sebagai satu special research area, dengan izin, dalam bidang bio-technology. Pihak SIRIM akan teruskan usaha dalam bidang ini supaya kita dapat hasil daripada bidang yang kita memang ada sumber-sumber yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri jawapan yang singkat ini, saya hendak ucapkan sekali lagi sebanyak terima kasih atas cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Jikalau ada apa yang saya tidak sempat atau lupa untuk menjawab, semua perkara ini telah di-



ambil perhatian oleh pegawai-pegawai dari pihak SIRIM yang ada di dalam Dewan **ini**, dan akan diberi tumpuan di dalam perancangan mereka di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Pasal 1 hingga 41** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya semua Rang Undang-undang sudah dibahaskan. Jadi, Dewan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh dan masa yang akan ditentukan kemudian.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.**

